



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

ELEMEN-ELEMEN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT DALAM *HIKAYAT*  
*ANGGUN CIK TUNGGAL*: APLIKASI TEORI SOSIAL OLEH EMILE  
DURKHEIM

OLEH

**NIK NORSYAHIRA AILA BINTI ABDUL RAHMAN**

LAPORAN PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tugasan kajian yang telah dipilih yang bertajuk Elemen-elemen Sosiobudaya Masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal: Aplikasi Teori Sosial* oleh Emile Durkheim. Kajian ini amat penting bagi saya kerana ia merupakan sebahagian daripada tugasan individu di bawah subjek projek penyelidikan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu dalam menyiapkan tugasan ini. Pertama sekali kepada Dr. Nasirin Bin Abdillah selaku penyelia subjek projek penyelidikan 1 dan Puan Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi selaku penyelia subjek projek penyelidikan 2. Mereka telah banyak membantu saya dalam memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak putus-putus sepanjang melaksanakan tugasan ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu-bapa saya yang sentiasa memberi dorongan dan mengiringi doa kepada saya supaya dipermudahkan urusan dalam menyiapkan tugasan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama berhempas pulas dalam menyempurnakan tugasan ini. Sokongan dan masa yang sanggup diluangkan bersama dalam memberikan maklumat amat saya hargai dan tidak melupakan jasa baik yang telah dilakukan kepada saya. Akhir sekali, terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang tugasan dilaksanakan.

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv

### **BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.0	Pengenalan	1-3
1.1	Latar Belakang Kajian	3-4
1.2	Permasalahan Kajian	4-5
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	5-6
1.5	Batasan Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Metodologi Kajian	7-8
1.8	Penutup	8

### **BAB DUA: SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.0	Pengenalan	9
2.1	Sosiobudaya Masyarakat dalam Karya Terpilih	9-21
2.2	Adat Tradisi dalam Sosiobudaya Masyarakat Melayu	22-32

2.3	Sosiobudaya dalam Bidang Lain	33-34
2.4	Isu-isu Sosiobudaya dalam Hikayat-hikayat Lain	34-37
2.5	Teori Sosial Emile Durkheim Menurut Sarjana Lain	38-41
2.6	Penutup	41-42

### BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	43
3.1	Kepustakaan	43
3.2	Teks Kajian	44
3.3	Laman Web	44-45
3.4	Teori Sosial oleh Emile Durkheim	45-47
3.4.1	Fakta Sosial	48
3.4.2	Perpaduan Masyarakat	48-49
i.	Perpaduan Mekanik	49
ii.	Perpaduan Organik	49
3.4.3	Agama	49-51
3.4.4	Fenomena Bunuh Diri	51
i.	Bunuh Diri Egoistik	51
ii.	Bunuh Diri Altruistik	52
iii.	Bunuh Diri Anomik	52
iv.	Bunuh Diri Fatalistik	53

3.5	Kerangka Konseptual	54
3.6	Penutup	55

## BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	56
4.1	Elemen-elemen Sosiobudaya	56
4.1.1	Kepercayaan	56-58
4.1.1.1	Kepercayaan Dinamisme	58-62
4.1.2	Bahasa	62-63
4.1.2.1	Bahasa Ironi	64-66
4.1.2.2	Bahasa Sinisme	66-68
4.1.3	Adat Resam	68-69
4.1.3.1	Adat Perkahwinan	69-70
4.1.3.1.1	Adat Meminang	71-73
4.1.3.2	Adat Raja Beradu	73-75
4.1.3.3	Adat Bersantap	75-77
4.1.3.4	Adat Kematian	77-79
4.1.3.5	Adat Menyembah Menjunjung Duli	79-81
4.1.4	Pantang Larang	81-82
4.1.4.1	Peraturan	82
4.1.4.1.1	Memakai Pakaian Musuh	82-84
4.1.5	Struktur Sosial Masyarakat (Kelas Sosial)	84-85

	4.1.5.1	Kedudukan Tahta	86-87
4.2		Fungsi-fungsi Sosiobudaya	87
	4.2.1	Keharmonian Hidup	87-89
	4.2.2	Pengajaran Moral	89-91
	4.2.3	Lambang Kepada Suatu Kaum	92-93
	4.2.4	Penghormatan	93-95

## BAB LIMA: CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.0	Pengenalan	96
5.1	Cadangan	96-99
5.2	Rumusan Kajian	99
5.3	Penutup	100

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	101-110
------------------------	---------

## SENARAI RAJAH

3.5	Kerangka Konseptual	54
-----	---------------------	----

**ELEMEN-ELEMEN SOSIOBUDAYA MASYARAKAT DALAM HIKAYAT  
ANGGUN CIK TUNGGAL: APLIKASI TEORI SOSIAL OLEH EMILE  
DURKHEIM**

**NIK NORSYAHIRA AILA BINTI ABDUL RAHMAN (C19A0382)**

**ABSTRAK**

**Abstrak:** Kajian adalah ingin menerokai sosiobudaya masyarakat dan cuba mengangkat *Hikayat Anggun Cik Tunggal* supaya dikenali oleh orang ramai dan menjadi hikayat yang terkenal seperti *Hikayat Hang Tuah*. Hal ini kerana, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas hanya tertumpu kepada hikayat-hikayat popular sahaja seperti *Hikayat Hang Tuah* kerana hikayat ini telah diadaptasi ke filem. Oleh itu, kajian adalah untuk membincangkan, menganalisis elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim dan membincangkan tentang fungsi-fungsi sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan, teks kajian iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, laman web dan teori sosial oleh Emile Durkheim. Selanjutnya, dapatan kajian ini adalah berkenaan dengan elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang memerihalkan mengenai gambaran kehidupan golongan istana yang berlaku pada zaman masyarakat Melayu dahulu dan fungsi sosiobudaya dalam kehidupan seharian yang dapat dijadikan pengajaran kepada masyarakat. Oleh itu, kajian mengenai Hikayat ini harus diperbanyak lagi dengan menggunakan teori sosial kerana ia banyak memerihalkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat kini.

**Kata kunci:** Elemen-elemen Sosiobudaya Masyarakat, *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, Teori Sosial oleh Emile Durkheim.

**SOCIO-CULTURAL ELEMENTS OF COMMUNITY IN *HIKAYAT ANGGUN CIK TUNGGAL*: APPLICATION OF SOCIAL THEORY BY EMILE DURKHEIM**

**NIK NORSYAHIRA AILA BINTI ABDUL RAHMAN (C19A0382)**

**ABSTRACT**

**Abstract:** The study is to explore the socio-cultural community and try to raise the *Hikayat Anggun Cik Tunggal* to be known by the public and become a famous story like the *Hikayat Hang Tuah*. This is because, this study found that most previous studies only focused on popular stories such as *Hikayat Hang Tuah* because these stories have been adapted into movies. Therefore, the research is to discuss, analyze the socio-cultural elements of society in *Hikayat Anggun Cik Tunggal* by applying social theory by Emile Durkheim and discuss the socio-cultural functions of society in *Hikayat Anggun Cik Tunggal* by applying social theory by Emile Durkheim. This study uses a qualitative method that is using a library method, a research text that is *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, a website and social theory by Emile Durkheim. Furthermore, the findings of this study are related to the socio-cultural elements of the community in *Hikayat Anggun Cik Tunggal* which describes the depiction of the life of the courtiers in the old Malay society and the socio-cultural functions in daily life that can be used as lessons for the community. Therefore, the study of this Hikayat should be increased by using social theory because it explains a lot about the life of the community that can be used as a guide and lesson for today's society.

**Keywords:** Socio-cultural elements of society, *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, Social Theory by Emile Durkheim.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Sosial adalah berkaitan dengan kesemua cara hidup bersama, atau hidup dalam masyarakat secara seseorang atau berkumpulan dan setiap orang mempunyai struktur, organisasi nilai dan aspirasi hidup dalam mencapai sesuatu. Manakala, menurut Dasuki, S., Mohd Radzi, F., Idris, N., & Abdulah, N. H. (2015: p.37) menyatakan bahawa budaya ialah aspek pemikiran dan tingkah laku masyarakat yang menjadi keperluan dalam mengatur kehidupan mereka. Pernyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan pandangan Zulkifli, N., & Yusoff, M. Y. M. (2022: p.2) budaya dapat dilihat menerusi amalan yang dilakukan oleh masyarakat secara berkelompok. Sosiobudaya menurut Zulkifli, N., & Yusoff, M. Y. M. (2022: p.2) adalah suatu amalan dan pegangan yang menjadi aspek gaya hidup bagi sesbuah kelompok masyarakat. Antara elemen-elemen sosiobudaya ialah meliputi aspek kepercayaan, adat resam, pantang larang dan sebagainya.

Sastera hikayat merupakan cerita yang menggunakan ayat bahasa Melayu klasik. Selalunya, sastera hikayat ini menceritakan kisah yang berunsurkan penceritaan luar biasa seperti cerita sejarah kerajaan-kerajaan Melayu,

keperwiraan, kesaktian, dan kegagahan wira yang luar biasa. Antara buku Hikayat yang popular seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Malim Deman*, *Hikayat Raja Pasai*, *Hikayat Si Miskin* dan sebagainya. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji telah memilih *Hikayat Anggun Cik Tunggal* untuk mengupas mengenai elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dengan menggunakan teori sosial melalui pendekatan fakta sosial.

*Hikayat Anggun Cik Tunggal* disampaikan secara prosa tetapi ia juga diselingi dalam bentuk puisi seperti pantun dan bahasa irama. Di dalam cerita ini mengisahkan tentang seorang Putera Raja yang pergi mengembala untuk tujuan membebaskan keluarganya yang dianiayai. Pada akhir cerita ini, Raja Anggun Cik Tunggal berjaya pulang ke negerinya dengan kegembiraan namun kegembiraan itu hanya sementara kerana Raja Anggun Cik Tunggal dan isterinya Puteri Gonda Gandariah telah disumpah menjadi binatang. Hal ini dapat dilihat bahawa cerita penglipur lara *Hikayat Anggun Cik Tunggal* berakhir dengan kesedihan.

Cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* banyak memaparkan mengenai elemen-elemen sosiobudaya masyarakat yang dapat dikemukakan dalam kajian ini dengan menggunakan teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim. Hal ini kerana, teori ini sesuai digunakan kerana ia memerlukan berkenaan dengan kehidupan masyarakat. Sosiobudaya masyarakat dalam cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dapat dilihat menerusi elemen-elemen sosiobudaya seperti adat, kepercayaan, bahasa, pantang-larang dan kedudukan tahta yang menjadi pegangan masyarakat mereka dalam menjalani kehidupan seharian.

Masyarakat ini perlu mengikut peraturan adat istiadat yang sudah ditetapkan bagi mengekalkan tradisi kerabat diraja. Dengan ini, pengkaji akan meneliti elemen-elemen sosiobudaya dengan lebih terperinci dengan mengaplikasikan teori sosial pendekatan fakta sosial.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Kebanyakan masyarakat kini kurang melakukan kajian terhadap hikayat-hikayat Melayu. Hal ini kerana, bagi mereka Hikayat ini hanya sebagai hiburan semata-mata tanpa mengetahui kelebihan yang ada pada jalan cerita dalam hikayat tersebut. Disebabkan itu, hikayat-hikayat lain seperti *Hikayat Malim Dewa*, *Hikayat Raja Muda* dan lain-lain termasuk *Hikayat Anggun Cik Tunggal* didapati masyarakat kurang melakukan kajian. Selain itu juga, pengkaji mendapati bahawa kajian lepas hanya membincangkan mengenai konsep ruang menerusi cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan tidak ada lagi kajian mengenai sosiobudaya masyarakat dalam cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji ingin menerokai sosiobudaya masyarakat dan cuba mengangkat *Hikayat Anggun Cik Tunggal* supaya dikenali oleh orang ramai dan menjadi hikayat yang terkenal seperti *Hikayat Hang Tuah*.

Buku *Hikayat Anggun Cik Tunggal* merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah dikarang oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. Buku ini diterbitkan pada tahun 2016. Pawang Ana merupakan tokoh terkenal di negeri Perak. Beliau sangat kaya dengan ilmu-ilmu sejarah dan cerita rakyat yang dapat dikembangkan dari generasi ke generasi untuk dijadikan ilmu

pengetahuan dan tauladan kepada masyarakat kini. Pawang Ana sangat terkenal di negeri Perak kerana beliau merupakan tokoh dan sangat fasih dalam penceritaan klasik seperti cerita lipur lara. Identiti sebenar seorang pengarang cerita rakyat pada zaman dahulu sangat susah untuk dikesan kerana mereka beranggapan cerita ini adalah milik bersama dan tidak perlu nama pemilik yang asal. Namun begitu, identiti Pawang Ana juga tidak diketahui dengan jelas hanya mengetahui bahawa Pawang Ana merupakan seorang yang berketurunan Rawa dari Sumatera.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa buku hikayat kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Kebanyakan kajian-kajian lepas hanya tertumpu kepada hikayat-hikayat popular sahaja seperti *Hikayat Hang Tuah* kerana hikayat ini telah diadaptasi ke filem. Hal ini menyebabkan kurang kajian mengenai hikayat-hikayat yang lain termasuk *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Menerusi kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji yang lain iaitu yang bertajuk “Genius Naratif Dan Genius Pemikiran Dalam Dua Karya Sastera Lisan Melayu” yang dikarang oleh Anwar Ridhwan (2021). Dalam kajian ini menggunakan dua karya iaitu *Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang memerihalkan berkenanan dengan isu-isu dan konflik yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada ketika dahulu. Setelah pengkaji membuat penelitian terhadap kajian lepas yang telah dihasilkan didapati bahawa tidak ada lagi kajian mengenai elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan menggunakan teori

sosial pendekatan fakta sosial. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan mengenai elemen-elemen sosiobudaya masyarakat yang digambarkan dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Perkara ini dijadikan tumpuan dalam kajian ini kerana elemen-elemen sosiobudaya ini belum pernah dikaji oleh pengkaji lain dan ingin memperbanyakkan lagi kajian dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

### **1.3 Persoalan Kajian**

1.3.1 Apakah elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*?

1.3.2 Bagaimanakah elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim?

1.3.3 Bagaimanakah fungsi-fungsi sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim?

### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua objektif kajian iaitu:

- 1.4.1 Mengenalpasti elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.
- 1.4.2 Menganalisis elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim.
- 1.4.3 Membincangkan fungsi-fungsi sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial oleh Emile Durkheim.

### 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya membataskan kepada sebuah buku hikayat yang bertajuk *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang dikarang oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. Buku hikayat yang dirujuk ini telah diterbitkan oleh *Dewan Bahasa dan Pustaka* pada tahun 2016. Dalam kajian ini, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa terdapat elemen-elemen sosiobudaya dan isu-isu yang berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat dalam cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* ini namun pengkaji hanya dibatasi dengan melihat kepada elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dalam cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan menggunakan teori sosial oleh Emile Durkheim iaitu pendekatan fakta sosial.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Metodologi kajian adalah kaedah dan teknik dalam mengumpul dan menganalisis data untuk menyokong kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian teks dengan menumpukan kepada *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan kaedah kepustakaan iaitu di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan khususnya kepada jurnal teniat. Kajian ini juga dijalankan bersandarkan kepada teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim. Tokoh ini mempunyai empat idea yang utama iaitu fakta sosial, perpaduan dalam masyarakat, agama dan fenomena bunuh diri. Namun yang sesuai dengan tajuk kajian pengkaji ialah fakta sosial kerana iaanya membincangkan mengenai elemen-elemen sosiobudaya.

## 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah kaedah dan teknik dalam mengumpul dan menganalisis data untuk menyokong kajian yang dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan di Universiti Malaysia Kelantan, kajian teks dengan menumpukan kepada *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan laman web. Kajian ini juga dijalankan bersandarkan kepada teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim. Tokoh ini mempunyai empat idea yang utama iaitu fakta sosial, perpaduan dalam masyarakat, agama dan fenomena bunuh diri. Namun yang sesuai dengan

tajuk kajian pengkaji ialah fakta sosial kerana ianya membincangkan mengenai elemen-elemen.

### 1.8 Penutup

Secara keseluruhan, *Hikayat Anggun Cik Tunggal (HACT)* mempunyai kisah atau peristiwa yang tersendiri yang dapat dilihat menerusi aspek-aspek sosiobudaya masyarakat. Dengan adanya kajian ini, dapat memberikan gambaran kepada masyarakat mengenai gaya hidup masyarakat terdahulu yang mengamalkan adat tradisi mereka. Oleh itu, *Hikayat Anggun Cik Tunggal* perlu diberikan perhatian oleh masyarakat kerana ia memaparkan kehidupan masyarakat yang dapat dijadikan panduan dan rujukan pada zaman kini. Kajian ini telah menumpukan sepenuhnya kepada teks kajian iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan bersandarkan kepada teori sosial oleh Emile Durkheim kerana teori ini sesuai dengan kajian yang memaparkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai beberapa kajian lepas mengikut tajuk kajian yang dipilih. Kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu sosiobudaya masyarakat dalam karya pilihan, adat tradisi dalam sosiobudaya masyarakat Melayu, sosiobudaya dalam bidang lain, isu-isu sosiobudaya dalam hikayat-hikayat Melayu, dan teori sosial Emile Durkheim menurut sarjana lain.

#### 2.1 Sosiobudaya Masyarakat dalam Karya Terpilih

Mohamad, J. B. B., & Moden, P. B (2016) dalam kajian “Amalan Sosiobudaya Di Dalam Novel Terjemahan Terpilih *Harry Potter*: Analisis Wacana Kritis” telah membincangkan mengenai tiga buah novel yang diterjemahkan oleh *Harry Potter* yang berkaitan dengan aspek politik, ekonomi dan ideologi yang dapat dilihat berdasarkan amalan sosiobudaya iaitu perbuatan, tingkah laku, amalan dan gaya hidup yang dapat mempengaruhi kehidupan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian teks menerusi tiga buah novel terjemahan *Harry Potter* karya J.K. Rowling. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat amalan sosiobudaya yang digunakan oleh

masyarakat dalam novel ini. Dapat dilihat menerusi kajian ini, pengkaji dapat mengetahui perbandingan antara amalan sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat biasa dengan masyarakat ahli sihir.

Beden, S., & Zahid, I. (2018) dalam kajian “Analisis Kesopanan Bahasa Dalam Novel *Melunas Rindu*: Aplikasi Maksim Leech dan Grice” telah membincangkan mengenai kesopanan bahasa yang digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 4 di Zon 4 iaitu di negeri Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan menerusi dialog watak utama dan watak sampingan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu kepustakaan, analisis teks serta mengumpul data pola kombinasi maksim. Hasil kajian mendapati bahawa kesopanan Leench mendahului kesopanan Grive iaitu mendapat empat daripada enam maksim manakala kesopanan Grive mendapat dua maksim sahaja. Dalam novel ini mengemukakan berkenaan dengan kesopanan bahasa yang digunakan menerusi dialog watak dan watak sampingan mengikut analisis pola maksim antara Leech dan Grice.

Rok’Ifah, E., & Rok’Ifah, E. (2016) dalam kajian “Realitas Sosial Masyarakat Dalam Novel *Hujan Bulan Juni* Karya Sapardi Djoko Damono (Kajian Sosiologi Sastra)” telah membincangkan mengenai masalah yang dihadapi oleh tokoh utama dan pendidikan watak yang perlu diungkapkan menerusi penelitian gambaran yang terdapat menerusi novel *Hujan Bulan Juni* karya Sapardi Djoko Damono. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian teks Novel *Hujan Bulan Juni* karya Sapardi Djoko Damono dan menggunakan teori sosiologi sastra untuk melengkapi berkaitan dengan

kajian. Kajian ini mendapati bahawa gambaran masalah sosiobudaya tokoh utama yang dilihat dari segi perbezaan agama, budaya dan pendidikan. Dalam novel ini mengutarakan masalah yang dihadapi masyarakat menerusi tokoh utama dan pendidikan watak untuk dijadikan sebagai wakil untuk mengemukakan mengenai masalah yang ditanggung oleh mereka.

Mustafa, M. (2006) dalam kajian “Pemikiran Dalam Novel-Novel Khadijah Hashim” telah membincangkan mengenai pemikiran Khatijah Hashim menerusi novel-novel. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian teks dan pendekatan sosiologi sastera. Selain itu, kajian ini menggunakan objektif kajian iaitu menganalisis pemikiran yang dihasilkan oleh Khatijah Hashim menerusi novel-novel yang telah dikaji. Di samping itu, pernyataan masalah dalam kajian ini berkaitan dengan persoalan-persoalan yang timbul mengenai pemikiran Khatijah Hashim dalam novel-novel yang dipilih untuk membuat kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kajian ini tertumpu kepada kefahaman berkaitan dengan pola kehidupan masyarakat yang merangkumi aspek sosiopolitik, sosiobudaya dan sosioekonomi.

Ismail, N., & Abdul Rahman, N. A. (2018) dalam kajian “Nilai Peradaban Melayu dalam Pantun Peranakan Baba” telah membincangkan mengenai pantun Peranakan Baba yang mempunyai aspek nilai peradaban Melayu. Selain itu, kajian ini mempunyai objektif utama iaitu mengenalpasti dan menghuraikan nilai-nilai tamadun Melayu yang terkandung dalam pantun Peranakan Baba. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk kualitatif iaitu kaedah analisis menerusi buku “*Pantun Pilihan Peranakan Baba*

*Negeri Selat* (1910-1930)" yang dihasilkan oleh Ding Choo Ming. Hasil kajian mendapati bahawa berlaku proses akulturasi dalam masyarakat Peranakan Baba melalui kajian pantun ini. Dalam pantun ini banyak memaparkan berkenaan dengan pembentukan nilai kebersamaan di antara masyarakat yang berbilang kaum yang menetap di Malaysia.

Amat, A., Romtie, I., & Salleh, N. (2022) dalam kajian "Tema Pantun Cocos Di Sabah" telah membincangkan tentang masyarakat Cocos di Negeri Sabah petah dalam tradisi berpantun walaupun mereka merupakan etnik bumiputera beragama Islam. Masyarakat ini mempunyai lenggok yang unik menerusi gaya sebutan sama seperti baba nyonya di Melaka. Dalam kajian ini mendapati masyarakat Cocos memfokuskan tema kasih sayang menerusi tarian Selong. Di samping itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dan kuantitatif iaitu analisis teks dan temubual. Dalam pada itu, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat kelainan melalui cara pengucapan oleh masyarakat Cocos. Dapat dilihat kajian ini pengkaji mendapati pantun cocos di Sabah menggunakan gabungan bahasa dalam pantun mereka seperti bahasa Melayu, bahasa pasar dan juga bahasa asing yang lain.

Mohamad, A. N. A., Mohamad, W. N. A., & Haniffa, M. A. (2021) dalam kajian "Untaian Pantun oleh Watak Merak dalam *Hikayat Isma Yatim*" telah membincangkan tentang pantun yang diungkapkan Merak Jantan dan Merak Betina untuk menyampaikan hajat di hati. Objektif kajian ini ialah menganalisis untaian pantun yang diungkapkan oleh watak merak dalam *Hikayat Isma Yatim*. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah fiologi konvensional dan

analisis teks 54 rangkap pantun. Di samping itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat 41 rangkap untaian pantun yang diungkapkan oleh merak untuk menyampaikan perasaan kasih sayang, perasaan gembira dan sebagainya. Dalam kajian ini dapat membina hubungan yang harmoni dengan masyarakat Melayu menerusi pemilihan bahasa yang bersesuaian dengan peradaban kaum Melayu.

ALI, A. H., ZAKARIA, N., & HANAPI, M. H. M. (2015) dalam kajian “Terapi Bahasa Dalam Pantun Dan Mentera” telah membincangkan tentang proses penyembuhan dengan menggunakan kata-kata dan bahasa yang dikemukakan dalam pantun dapat dijadikan sebagai rawatan kepada masyarakat. Selain itu, pantun dan mantera memainkan peranan penting dengan menerapkan nilai-nilai yang positif dalam kehidupan masyarakat. Di samping itu, kajian ini bersandarkan kepada teori psikolinguistik, teori struktural dan sosiologi sastera. Dalam pada itu, hasil kajian ini mendapati bahawa penerapan nilai ini dapat membantu deria manusia untuk berfikir dan berkelakuan kearah kebaikan dan ia dapat memberi rawatan kepada masalah penyakit-penyakit lemah semangat dan jiwa tidak tenteram. Dengan ini, kajian ini mengemukakan bahasa menerusi pantun juga dapat memberi kesan yang positif dalam kehidupan masyarakat.

NORDIN, S. R. A., ABDULLAH, M. A., DAMIN, Z. A., ANI, F., JAES, L., SUHAIMY, K. A. M., ... & BAKAR, S. K. S. A. (2017) dalam kajian “Memahami Akal Budi Kaum Orang Asli Suku Kuala Melalui Pantun: Dari Pulau Sialu, Batu Pahat ke Sungai Layau, Kota Tinggi” telah membincangkan tentang keaslian

kaum Orang Asli suku Kuala menerusi pengumpulan pantun. Perpindahan yang dilakukan oleh Orang Asli ini telah mengakibatkan penghijrahan budaya berpantun yang dapat memberi implikasi mengenai akal budi kaum Orang Asli. Selain itu, pernyataan masalah dalam kajian ini masyarakat kurang membuat kajian terhadap pulau Sialu yang merupakan tempat tinggal Orang Asli Kuala. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan kaedah analisis. Hasil kajian ini dapat memartabatkan usaha Orang Asli suku Kuala dalam merungkai kehidupan mereka menerusi pembinaan pantun-pantun.

Bukhari, N. A. M., Wahid, P. R. A., & Samsudin, N. H. (2020) dalam kajian “Destar Melayu Dari Perspektif Terminologi” telah membincangkan tentang penggunaan istilah destar menerusi busana Melayu dari sudut Terminologi berdasarkan pendekatan sosio terminologi dalam masyarakat Melayu setempat. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, temu bual dan pendekatan sosio terminologi. Selain itu, objektif kajian ini iaitu mengenalpasti destar Melayu, mengenalpasti peta konsep dan menghuraikan istilah konsep serta mentakrifkan istilah mengikut peta konsep. Hasil kajian ini mendapati bahawa kepentingan menghasilkan inventori terminologi dalam seni budaya Melayu.

Ronidin, R. (2010) dalam kajian “Masyarakat Minangkabau Pasca-PRRI: Dalam Cerpen Ketika Jendral Pulang” karya Khairul Jasmi” telah membincangkan tentang pengaruh PRRI (Kerajaan Revolusioner Republik Indonesia) mengenai kehidupan masyarakat Sumatera Barat (Minangkabau) dalam cerpen *Ketika Jendral Pulang* karya Khairul Jasmi. Kajian ini

menggunakan teori sosiologi sastera dan kajian teks cerpen *Ketika Jendral Pulang* karya Khairul Jasmi. Selain itu, pernyataan masalah dalam kajian ini adalah didapati masyarakat Minangkabau sekarang mengalami krisis dalam kehidupan mereka seperti pemalu, rendah diri, takut dan pragmatik. Sehubungan dengan itu, cerpen ini adalah untuk memberi cerminan kepada kehidupan masyarakat Minangkabau bahawa orang Minangkabau terdahulu didedahkan dengan televisyen yang mempunyai unsur keganasan supaya diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Dalam pada itu, kajian ini dapat meningkatkan keyakinan dalam kehidupan masyarakat Minangkabau kini untuk menjadi seorang yang kuat dan yakin pada diri menerusi panduan dalam cerpen *Ketika Jendral Pulang* karya Khairul Jasmi ini.

Prawiratama, A. (2013) dalam kajian “Bentuk Konflik dalam Kumpulan Cerpen *Kembang-Kembang Genjer* Karya Fransisca Ria Susanti” telah membincangkan tentang bentuk-bentuk konflik dan faktor yang menyebabkan munculnya konflik melalui cerpen *Kembang-Kembang Genjer* karya Fransisca Ria. Dalam kajian ini menggunakan kaedah teori sosiologi sastra. Di samping itu, hasil kajian mendapat penemuan bentuk konflik iaitu konflik peribadi dan konflik politik dan faktor penyebab konflik. Konflik politik oleh tokoh utama menyebabkan kemunculan konflik peribadi manakala konflik politik menyebabkan berbentukan konflik secara individu, konflik kepentingan dan perubahan sosial. Dengan ini dapat dilihat bahawa pembentukan dan faktor konflik disebabkan oleh individu tersebut yang menyebabkan konflik itu berlaku.

Johari, H., Basir, N. S. B. A., & Mohd, F. H. (2021) dalam kajian “Nilai Pendidikan Dalam Cerpen *Penantian Di Hujung Senja* oleh Eh Deng Eh Chik” telah membincangkan tentang isu-isu semasa yang dikupas oleh Eh Deng Eh Chik menurut pengalaman yang dirasai oleh masyarakat lain. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks cerpen iaitu *Penantian Di Hujung Senja*. Di samping itu, kajian ini menggunakan tiga objektif kajian iaitu mengenalpasti elemen nilai moral dalam kumpulan *cerpen Penantian di Hujung Senja*, mengenalpasti elemen nilai kebenaran dalam kumpulan *cerpen Penantian di Hujung Senja*, mengenalpasti elemen nilai ketuhanan dalam kumpulan *cerpen Penantian di Hujung Senja*. Sehubungan dengan itu, hasil kajian mendapati plot penceritaan dalam 3 buah cerpen dalam kumpulan yang bertajuk *Sumpah*, *Sial Tal Bertuah* dan *Penantian Di Hujung Senja* memerihalkan berkenaan dengan nilai pendidikan moral, kebenaran dan ketuhanan. Dengan ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada masyarakat untuk memartabatkan sastera Melayu dalam pendidikan.

Sugianto, I., & Huda, N. (2017) dalam kajian “Strukturalisme Genetik dalam cerpen *Slum* karya Hanif Nashrullah” telah membincangkan mengenai karya fiksyen khayalan yang mencerminkan masalah manusia dan kemanusian, kehidupan dan kehidupan pengarang. Kajian ini untuk mencari cara untuk menyelesaikan masalah menerusi pandangan tokoh Hanif Nashrullah. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu teks kajian iaitu *cerpen Slum* oleh Hanif Nashrullah dan pendekatan strukturalisme. Dalam pada itu, hasil kajian ini dapat mengetahui pembentukan kegiatan sosial, kegiatan politik sama ada yang berstatus kelas bawahan atau kelas atasan. Dengan ini,

pengkaji mendapati kajian ini meneliti masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan ingin menggambarkan masalah menerusi cerpen yang dihasilkan.

Mariri, D. (2002) dalam kajian tesis yang bertajuk “Warna Lokal Bali Dalam Kumpulan Cerpen *Sagra* karya Oka Rusmini: Analisis Sosiologi Sastra” telah membincangkan mengenai kewujudan warna local bali menerusi kumpulan cerpen *Sagra* dan mengemukakan makna warna local bali tersebut. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks cerpen *Sagra* karya Oka Rusmini dan bersandarkan pendekatan sosiologi sastra. Hasil kajian mendapati bahawa tokoh dan latar merupakan warna local bali kerana mempunyai perbezaan dari segi budaya. Oleh itu, pengkaji mendapati masyarakat yang berlainan akan mempengaruhi masyarakat yang memberi kesan kepada warna local bali menerusi cerpen *Sagra* karya Oka Rusmini.

Affendi, N. R. N. M., & Pawi, A. A. A. (2016) dalam kajian “Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan” telah membincangkan tentang sosiobudaya yang diterapkan dalam cerita rakyat kanak-kanak yang diamalkan oleh manusia dan masyarakat samada ianya perkara yang baik ataupun tidak baik. Amalan yang dilakukan oleh kanak-kanak dalam cerita tersebut merupakan sosiobudaya yang dapat dijadikan sebagai paduan seperti nilai berbakti dan berjasa adalah untuk memberikan penghargaan kepada orang yang melakukan kebaikan. Selain itu, nilai kasih sayang merupakan keperluan manusia dalam memelihara hubungan antara satu sama lain. Nilai-nilai ini dapat menjadi contoh kepada kanak-kanak zaman

sekarang dan juga kepada masyarakat. Dengan ini, jelaslah bahawa sosiobudaya yang diterapkan dalam cerita kanak-kanak dapat memberi faedah kepada semua yang membacanya.

Mansor, I. (2015) dalam kajian “Prosedur Peminjaman Dan Elemen Sosiobudaya Dalam Terjemahan Rihlat Ibn Battutah” telah menjelaskan tentang teks rihlat Ibn Battutah telah diterjemahkan dalam bahasa Melayu yang membentuk beberapa elemen yang dipengaruhi oleh sosiobudaya. Faktor-faktor yang mempengaruhi terjemahan secara tidak langsung dapat membuat keputusan dalam memilih prosedur peminjaman beberapa elemen budaya teks rihlat Ibn Battutah yang dominan. Hal ni dapat dilihat bahawa sosiobudaya dapat mempengaruhi prosedur peminjaman penerjemahan untuk memudahkan masyarakat memahami teks tersebut dengan lebih jelas.

Abd Rahman, M. Z. (2014) dalam kajian “Pengaruh Konteks Sosiobudaya Tempatan Dalam Teks Pembelajaran Arab” telah membincangkan tentang konteks tempatan dan bahasa yang menjadi salah satu komunikasi yang menjadi perhubungan antara satu sama lain dalam menghasilkan wacana. Hal ini untuk memudahkan pelajar berinteraksi dengan lebih mudah mengikut keadaan persekitaran yang tertentu. Dalam pemilihan perkataan kota dan kosa yang sesuai untuk membina ayat juga mengikut konteks tempatan. Masyarakat Malaysia perlu membicarakan empat persoalan yang berkaitan dengan konteks tempatan yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Arab iaitu konteks bahasa, konteks situasi, konteks agama dan konteks budaya.

Dengan ini, jelaslah bahawa teks pembelajaran Arab dipengaruhi oleh konteks sosiobudaya tempatan.

Othman, S., Sabil, A. M., & Lateh, G. (2015) dalam kajian “Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusteraan Melayu” telah membincangkan tentang sastera adalah elemen yang penting dalam lingkungan kehidupan masyarakat yang dapat memberi pemikiran yang baik dalam melaksanakan sesuatu perkara. Sastera dengan masyarakat tidak boleh dipisahkan kerana mereka mempunyai ikatan antara satu sama lain. Begitu juga dengan masyarakat yang merupakan sosiobudaya kehidupan manusia. Unsur-unsur lingkungan kehidupan dapat dilihat antara manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan seluruh alam. Sosiobudaya masyarakat bergantung kepada sastera kerana ianya merangkumi lingkungan kehidupan manusia. Sastera juga merupakan elemen yang dekat dengan setiap perkara yang dapat membantu masyarakat untuk memahami dengan lebih jelas tentang kehidupan. Dengan ini jelaslah bahawa, sosiobudaya dalam Pendidikan kesusteraan Melayu memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran yang lebih baik.

Rosly, N. S. B. (2018) dalam kajian “Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya Dalam Manuskrip Melayu Tradisional” telah membincangkan tentang kewujudan leksikon mempengaruhi sosiobudaya manuskrip Melayu Tradisional yang menggambarkan kehidupan masyarakat pada zaman dahulu. Selain itu juga, leksikon ini bukan sahaja memperlihatkan cerminan masyarakat malah ianya berkaitan dengan penulisan, teknologi, ilmu sastera

dan lain-lain. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan teori Sosiolinguistik Holmes (2013) dalam mengkaji mengenai leksikon berunsurkan sosiobudaya dalam manuskrip Melayu Tradisional. Terdapat tiga buah manuskrip yang dikaji yang memperlihatkan hubungan masyarakat dan latar belakang masyarakat. Dengan ini dapat dilihat bahawa leksikon dalam manuskrip Melayu Tradisional mempunyai unsur sosiobudaya mengenai kehidupan masyarakat.

Mohamad, A. R. (2013) menerusi tajuk tesisnya iaitu "Nilai Nasihat Dalam Puisi Tradisional Teromba" telah membincangkan mengenai nilai nasihat dalam puisi tradisional genre teromba yang tertumpu kepada kesimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Selain itu, objektif kajian ini iaitu menganalisis aspek-aspek nasihat dalam puisi-puisi dan menganalisis aspek-aspek nilai nasihat yang tinggi dalam puisi Melayu tradisional teromba menerusi sudut sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu analisis teks dan penggunaan teori Sastera Warisan dan Pendekatan Moral. Permasalahan kajian iaitu mendapati kajian mengenai nilai nasihat teromba puisi tradisional ini belum dikaji oleh pengkaji lain. Hasil kajian ini, nilai kenasihatan dalam teromba ini dapat dipraktikan dalam pelajaran terutamanya para pelajar untuk menjadi seorang yang berguna. Dengan ini, kajian ini dipenuhi dengan nilai nasihat yang dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan buat masyarakat kini.

Zulkifli, M., Buhari, N., & Hassan, N. A. (2019) dalam kajian “Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia” telah membincangkan mengenai nilai kesantunan dalam berkomunikasi antara masyarakat dengan menggunakan bahasa dan pertuturan yang baik. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia dan menganalisis hubungan kesantunan berbahasa dengan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menerusi analisis data. Hal yang demikian, dengan adanya nilai kesantunan ini dapat mengelakkan masyarakat berkomunikasi dengan Bahasa yang kasar dan tidak sopan. Hasil kajian peranan bahasa dalam mengeratkan hubungan sesama manusia dan dapat meningkatkan kepribadian diri bagi masyarakat Malaysia walaupun mempunyai perbezaan etnik. Dengan ini dapat dilihat bahawa pentingnya menerapkan nilai kesantunan ini yang dapat mencerminkan sosiobudaya masyarakat tersebut mempunyai keperibadian yang mulia.

Kesimpulannya, menerusi kajian-kajian lepas dapat dilihat bahawa kajian banyak tertumpu kepada sosiobudaya masyarakat dalam karya pilihan seperti novel, cerpen, pantun, teks dan sebagainya. Kajian-kajian ini memaparkan kehidupan masyarakat sama ada dalam bentuk sindiran, kiasan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai panduan bagi masyarakat. Kadang-kala masyarakat yang ditimpa masalah cuba untuk menyampaikan kepada masyarakat gambaran dan cerminan yang berlaku. Penyampaian ini akan disuarakan menerusi penulisan agar masyarakat memahami dan mengetahui tentang kehidupan masyarakat yang lain.

## 2.2 Adat Tradisi dalam Sosiobudaya Masyarakat Melayu

Marinsah, S. A., & Ramli, M. A. (2017) dalam kajian “Amalan Tradisi Magombo’ Dalam Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Perspektif Hukum Islam” telah membincangkan tentang sosiobudaya yang menjadi pegangan masyarakat Bajau Di Semporna Sabah menerusi amalan tradisi nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam. Masyarakat ini mengamalkan kepercayaan animisme, percaya kepada semangat roh, mahkluk halus dan sebagainya. Amalan tradisi yang dipanggil sebagai “ambo” atau lebih dikenali sebagai magombo’ yang memuja roh nenek moyang mereka yang sudah meninggal untuk mendapatkan pertolongan. Mengikut tradisi masyarakat Bajau amalan ini adalah untuk keselamatan diri mengelak daripada perkara yang tidak baik berlaku. Selain itu, jika terdapat masyarakat yang tidak melakukan amalan ini akan ditimpakan penyakit misteri. Setelah kedatangan Islam, amalan magombo’ ini telah berlaku penambahan dari segi bacaan doa selamat. Tetapi amalan ini tidak diikuti secara keseluruhan oleh masyarakat Bajau yang beragama Islam kerana ianya merupakan ritual khurafat yang mensyirikkan Allah. Dengan ini, jelaslah bahawa amalan magombo’ merupakan sosiobudaya masyarakat Bajau yang harus mereka laksanakan kerana ianya merupakan tradisi nenek moyang mereka sejak dahulu lagi.

CAHYADINATA, I. P. A. A. (2014) dalam kajian “Perspektif Sosio-Budaya dan Religius Terhadap Med-Medan Di Banjar Kaja, Desa Pakraman Sesetan, Kota Denpasar, Bali” telah membincangkan tentang sosio-budaya dan religious

masyarakat di banjar kaja, kelurahan Sesetan, kota Denpasar, Bali mengenai amalan tradisi omed-omedan. Tradisi ini bermula pada Anak Agung yang mempunyai penyakit yang tidak boleh sembuh kerana tiada ubat penawar. Setelah itu, apabila upacara omed-omedan dilaksanakan penyakit Anak Agung itu sembuh dan hilang. Disebabkan itu, masyarakat di banjar kaja akan mengamalkan tradisi ini pada hari yang tertentu. Dengan adanya amalan ini juga dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain, hubungan kekeluargaan, hubungan setia kawan dan sebagainya. Dengan ini dapat dilihat bahawa kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat bandar kaja ini menyebabkan berlaku sosio-budaya antara mereka.

Kurniawan, Y., & Indiarma, V. (2020) dalam kajian “Hantu Pontianak Daripada Pendekatan Agama dan Sosiobudaya di Indonesia telah membincangkan tentang kepercayaan mengenai kewujudan makhluk ghaib seperti hantu dan syaitan. Di Indonesia sangat terkenal berkenaan dengan kepercayaan hantu kuntilanak atau pontianak yang merupakan hantu seorang Wanita yang meninggal sewaktu melahirkan. Dalam kajian ini, penulis telah menggunakan pendekatan agama dan sosiobudaya yang berkaitan dengan kewujudan makhluk ghaib. Pendekatan sosiobudaya dapat dilihat dalam kajian ini kerana ianya berkenaan dengan kewujudan hantu pontianak yang wujud secara turun-temurun melalui nenek moyang terdahulu. Dengan ini, dapat dilihat bahawa kepercayaan kewujudan makhluk ghaib berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat setempat.

Iriaji, I. (2019) dalam kajian “Karakteristik Sosio-Budaya, Pergeseran dan Pola Adaptasi Kriya Gerabah Pagelaran Malang” telah membincangkan mengenai pola adaptasi kriya gerabah pagelaran malang, fenomena karakteristik sosio-budaya dan pergeseran. Kajian ini telah menggunakan teori estetika seni kriya, teori sosio-budaya dan teori adaptasi. Karakteristik komunitas perajin gerabah Pagelaran sangat kuat dengan budaya tempatan namun pengaruh budaya Jawa masih lagi diamalkan seperti amalan bergotong-royong dan upacara adat. Dengan ini dapat dilihat bahawa, karakteristik memain peranan dalam pola adaptasi kriya gerabah Pagelaran Malang, sosio-budaya dan pergeseran.

Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020) dalam kajian “Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam” telah membincangkan tentang sosiobudaya masyarakat Orang Asli yang diasingkan daripada sosiobudaya masyarakat umum. Hal ini kerana terdapat perbezaan pegangan yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli iaitu hidup secara tradisional dan bukan hidup secara moden. Sosiobudaya masyarakat Orang Asli ini dianggap kuno atau ketinggalan zaman kerana mereka masih lagi mengamalkan amalan tradisi nenek moyang mereka secara turun-temurun. Selain itu, masyarakat ini dianggap terasing kerana mereka hidup secara nomad iaitu berpindah randah, berada dalam kelompok tersendiri dan menetap di kawasan berdekatan dengan sungai untuk sumber kehidupan. Cara pemakaian mereka juga berbeza dengan masyarakat umum kerana pakaian mereka hanya menutup anggota kelamin sahaja. Seterusnya, sosiobudaya masyarakat Orang Asli tidak menuntut ilmu menyebabkan mereka kurang ilmu pengetahuan dan sering terikat dengan adat istiadat yang

susah untuk menerima perubahan pola kehidupan mereka. Kesan isolasi atau membawa maksud pengasingan masyarakat Orang Asli telah memberi kesan kepada pentafsiran hukum Islam yang mana mempertimbangkan terhadap amalan masyarakat Orang Asli yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Masyarakat Orang Asli sangat penting dalam memahami hukum Islam supaya mereka dapat mengetahui pantang larang, melakukan ibadah dan sebagainya. Dengan ini, jelaslah bahawa isolasi sosiobudaya masyarakat Orang Asli adalah kerana faktor-faktor yang tersendiri yang menyebabkan mereka terasing dengan cara hidup masyarakat umum.

Jusoh, A., Sauman, Y., Arby, R., & Ramli, Z. (2018) dalam kajian "Kebudayaan Megalith Di Semenanjung Malaysia Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Etnoarkeologi" telah membincangkan tentang pandangan masyarakat setempat mengenai kebudayaan Megalith mengikut perspektif sosiobudaya dan etnoarkeologi. Megalith merupakan kebudayaan yang berada di Semenanjung Malaysia seperti di Melaka, Perak dan Negeri Sembilan. Kebudayaan ini menyeluruh bagi komuniti penduduk di Melaka dan Negeri Sembilan kecuali Perak. Hal ini kerana masyarakat di negeri mempunyai bilangan yang kecil menyebabkan mereka terbatas untuk memahami dan mengetahui berkenaan dengan kebudayaan Megalith ini. Dengan ini, dapat dilihat bahawa masyarakat ini mengamalkan kebudayaan Megalith kerana kepercayaan adanya kuasa luar biasa yang dapat melingkari kehidupan mereka.

Dasuki, S., Mohd Radzi, F., Idris, N., & Abdulah, N. H. (2015) dalam kajian “Perkembangan Budaya Populer dan Perubahan Sosio-Budaya Masyarakat Pasca Moden: Adaptasi Budaya Asing Dalam Perkahwinan Melayu” telah membincangkan tentang perkahwinan masyarakat Melayu perlu mengalami perubahan sosio-budaya dengan mengikut budaya asing. Hal ini kerana terdapat persoalan timbul mengenai masalah perkahwinan Melayu yang menggayaikan cara yang lama dan lapuk. Justeru itu, mengakibatkan perkahwinan Melayu dilihat usang dan tidak berkembang. Oleh itu, perkahwinan Melayu ini perlu melakukan perubahan dengan mengadaptasi budaya asing mengikut peredaran zaman. Dengan adanya perubahan ini masyarakat Melayu akan lebih berkembang maju dan dapat merealisasikan citarasa mereka.

Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2011) dalam kajian “Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya” telah membincangkan tentang Hallyu atau lebih dikenali sebagai gelombang Korea mula berkembang di Malaysia. Budaya pop Korea mula mendapat sambutan terutama dikalangan remaja Malaysia dalam segi nyanyian dan drama. Antara lagu K-pop yang sering didengari dan mendapat perhatian mereka seperti lagu Super Junior dan Girls Generation. Seterusnya, drama Korea juga mendapat sambutan yang hangat seperti genre romantik. Sebagai contoh drama bersiri Winter Sonata (2002). Bukan itu sahaja, sosiobudaya Hallyu terus berkembang dengan pesatnya apabila adanya sukan seperti bola sepak dan badminton. Selain itu, budaya Korea terus menjadi ikutan masyarakat setempat dari segi pakaian, kasut dan penjagaan kulit. Seterusnya, dari segi pemakanan juga mendapat pengaruh

sosiolbudaya Korea seperti kimchi dan bulgogi. Dengan ini, jelaslah bahawa sosiolbudaya Korea telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat Malaysia yang menjadi ikutan pada sehingga kini.

Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2009) dalam kajian “Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiolbudaya” telah membincangkan tentang Sub-budaya yang dilakukan oleh Mat Rempit kerana pengaruh dengan lingkungan kehidupan sosiolbudaya yang ingin kepada hiburan. Mereka banyak menghabiskan masa mereka dengan melakukan aktiviti menunggang motor secara haram yang dapat membahaya nyawa mereka dan juga orang lain. Antara tempat yang sering mereka kunjungi seperti berada di bahu jalan, di sekitar Dataran Merdeka dan lain-lain. Selain itu juga, Mat Rempit dipengaruhi dengan sosiolbudaya dari segi pakaian seperti baju t-shirt dan seluar jeans yang koyak. Seterusnya, penggunaan bahasa merupakan perubahan sosiolbudaya Mat rempit yang mana mereka berkomunikasi dari kalangan mereka dengan bahasa Melayu secara sub-budaya.

Suryandari, R. Y., Jaafar, M. N., & Hamzah, N. H. (2014) dalam kajian “Mengantarabangsakan ruang Pendidikan tinggi Malaysia: Pengalaman sosiolbudaya pelajar-pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia” telah membincangkan tentang gaya sosiolbudaya pelajar-pelajar antarabangsa yang tidak disukai masyarakat setempat. Hal ini kerana, mereka membawa budaya mereka ke negara Malaysia yang menyebabkan berlaku perkara negatif seperti pergaulan bebas, meminum arak sehingga melakukan perkara yang tidak senonoh di tempat awam, melakukan jenayah seperti merompak,

dadah, penipuan dan sebagainya. Selain itu juga, gangguan pencegahan budaya turut dilakukan oleh pelajar antarabangsa seperti mengganggu kaum wanita. Tingkah laku ini telah memberi kesan negatif pandangan masyarakat tempatan kepada para pelajar antarabangsa. Hal ini menyebabkan para pelajar antarabangsa merasa kedatangan mereka tidak diingini oleh masyarakat setempat. Antara negara yang menjadi para pelajar di Universiti Utara Malaysia ialah Yemen, Nigeria, Iraq, Pakistan, Syria dan lain-lain. Walaupun pelajar antarabangsa belajar di negara Malaysia mereka tidak mempunyai sebarang masalah sosiobudaya seperti dari segi aspek komunikasi, kemahiran sosial, perubahan dalam kehidupan dan sebagainya. Dengan ini, jelaslah bahawa sosiobudaya negara luar lebih besar berbanding sosiobudaya di negara Malaysia.

Wahsalfelah, S. N. H. (2014) dalam kajian "Sejarah Sosio-Budaya Kraftangan di Brunei Darussalam: Barang Logam dan Kain Tenunan" telah membincangkan tentang negara Brunei yang terkenal dengan barang warisan seperti logam dan kain tenunan. Setiap barang-barang khazanah warisan ini akan dijadikan sebagai kraftangan mengikut permintaan masyarakat. Selain itu, cara untuk membuat kraftangan ini sangat unik dan berbeza dengan yang lain kerana ianya diperbuat daripada hasil pertukangan tangan. Hal ini menyebabkan kraftangan ini sangat bernilai dan berkualiti kerana hasilnya yang cukup teliti dan kemas. Seterusnya, kraftangan ini merupakan ciptaan masyarakat yang mewarisi hasil daripada nenek moyang mereka secara turun-temurun. Terdapat makna dan simbolik bagi kraftangan yang dihasilkan yang merujuk kepada budaya dan bangsa masyarakat Brunei.

Dengan ini, dapat dilihat bahawa kraftangan merupakan khazanah warisan mereka dan juga lambang kepada sosio-budaya masyarakat di Brunei Darussalam.

Kamal, M., & Aziz, A. (2016) dalam kajian “Kritikan Seni Dari Perspektif Sosio Budaya di Malaysia” telah membincangkan tentang sumber penulisan pengkritik seni tempatan mengikut perspektif sosio budaya tidak terlalu banyak. Hal ini menyebabkan pengkaji ingin melakukan kajian mengenai kritikan seni supaya dapat mengembangkan kritikan seni tanah air. Selain itu, kritikan seni merupakan kritikan yang dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat dalam melakukan kegiatan kesenian. Dengan adanya kritikan ini, para pelukis, sejarawan seni dan sebagainya akan dapat melakukan kesenian dengan lebih baik mengikut perspektif sosio budaya. Oleh itu, kritikan seni sangat penting untuk merealisasikan seni visual yang lebih hebat setaraf dengan prasada dunia.

Jusoh, A. (2019) dalam kajian “Loceng Gangsa (Malaysia) dan Loceng Dotaku (Jepun) Daripada Perspektif Arkeologi dan Sosiobudaya” telah membincangkan tentang kewujudan barang bersejarah di Asia seperti loceng gangsa di Malaysia dan loceng dotaku di Jepun. Barang ini mempunyai bentuk rupa yang asli namun terdapat penambahan dari segi pola hiasan yang unik dan dapat mengetahui dengan lebih jelas mengenai asal-usulnya yang berkenaan dengan masyarakat pengamatannya yang membuat ianya kelihatan lebih menarik. Loceng artifak daripada dua negara ini mempunyai aspek penghasilan yang berbeza yang menggunakan sumber bahan mentah,

teknologi, amalan sosiobudaya dan sebagainya. Dengan ini dapat dilihat kedua-dua objek ini secara menyeluruh menggambarkan mengenai pola kehidupan masyarakat pengamalannya mengikut perspektif arkeologi dan sosiobudaya.

Jusoh, A., Sauman, Y., & Ramli, Z. (2017) dalam kajian “Lukisan Gua Di Semanjung Malaysia: Motif Dan Simbolisme Serta Kaitannya Dengan Sosiobudaya Masyarakat Setempat” telah membincangkan tentang lukisan gua di Semanjung Malaysia yang mempunyai motif dan simbolik berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat setempat. Penulis mendapati bahawa terdapat banyak lukisan gua yang dijumpai di dinding gua batu kapur yang tidak diketahui oleh orang ramai. Hal ini mengakibatkan tidak ramai pengkaji yang mengkaji mengenai lukisan gua ini. Selain itu, keunikan lukisan gua di dinding dari jauh sudah kelihatan kerana ianya mempunyai motif dan simbolik yang tersendiri. Lukisan gua di dinding menggambarkan sosiobudaya masyarakat yang hidup pada zaman dahulu. Antara elemen motif dan pola yang dilukiskan seperti manusia, binatang, alam dan sebagainya. Dengan ini, jelaslah bahawa lukisan gua di dinding juga menggambarkan peristiwa, kejadian, aktiviti masyarakat, amalan dan kepercayaan dan sebagainya yang berkaitan dengan sosiobudaya kehidupan masyarakat pada ketika itu.

Arshad, M. Z. (2014) dalam kajian “Makna dan Nilai Seni Kraf Buluh dalam Kehidupan Sosiobudaya Multi Etnik Di Sarawak” telah membincangkan tentang masyarakat etnik Sarawak menjalankan aktiviti kraf menggunakan buluh. Antara etnik Sarawak yang bergerak aktif dalam kegiatan kraf buluh ini

ialah etnik Iban, Melanau dan Bidayuh. Mereka ini golongan yang tinggal di rumah Panjang dalam Bahagian Kuching di Sarawak. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauhmanakah makna dan nilai seni kraf buluh dalam kehidupan sosiobudaya multi etnik Sarawak dengan menggunakan pendekatan yang sesuai iaitu pendekatan multi disiplin dibawah kerangka Teori Seni Susanne Langer. Dengan ini, dapat dilihat bahawa seni kraf buluh dapat mempengaruhi kehidupan sosiobudaya multi etnik di Sarawak.

Jusoh, A., & Sauman, Y. (2019) dalam kajian “Huashan Rock Art’ Dalam Konteks Sosiobudaya Etnik Luoyue, Guangxi, China” telah membincangkan tentang di ‘Huashan Rock Art’ mempunyai lukisan gua yang sangat unik dan istimewa. Lukisan gua yang dipaparkan di dinding mempunyai motif dalam pelbagai saiz yang menampakkan lukisan itu kelihatan begitu cantik. Namun, disebabkan keberadaan yang terpencil menyebabkan tidak semua masyarakat setempat mengetahui mengenai lukisan yang unik di gua ‘Huashan Rock Art’ ini. Dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa lukisan gua ini menggunakan tiga jenis motif iaitu motif manusia, artifak dan binatang. Dengan adanya lukisan di gua ini dapat memperkenalkan sosiobudaya masyarakat setempat pada zaman dahulu sehingga kini.

Mustafa, N. I., & Jusoh, A. (2018) dalam kajian “Naskah Mantra Gajah Dalam Sejarah Sosiobudaya Masyarakat Melayu” telah membincangkan tentang naskah mantra gajah yang menjadi pelapor kehidupan masyarakat Melayu. Gajah merupakan hidupan fauna yang bergantung hidup dengan elemen semula jadi. Dalam kajian ini, didapati bahawa gajah mempunyai pengertian

yang penting mengenai soal falsafah, arkeologi, sejarah dan sosiobudaya. Selain itu juga, makalah ini memartabatkan mengenai naskah mantra gajah yang mengandungi mengenai kehidupan gajah serta ilmu yang ditulis di dalamnya. Nafkah ini dapat mewujudkan tradisi dan fahaman mengenai sosiobudaya masyarakat Melayu. Kajian nafkah mantra gajah ini menggambarkan mengenai kehidupan masyarakat Melayu sehingga dapat diwujudkan dan dijadikan sebagai sumber sejarah.

Kesimpulannya, dapat dilihat menerusi kajian-kajian lepas ini memaparkan sosiobudaya masyarakat mereka ditentukan oleh adat tradisi nenek moyang yang perlu dikekalkan untuk generasi seterusnya. Amalan dan kepercayaan yang dilakukan mengikut kepada ajaran terdahulu yang perlu dituruti. Selain itu juga, adat tradisi ini dapat dijadikan sebagai lambang kepada sesuatu kaum dan agama. Hal ini kerana, setiap kaum dan agama mempunyai kepercayaan, amalan dan budaya yang berbeza. Dengan ini dapat membezakan masyarakat ini mengikut kepada adat tradisi masing-masing. Sehubungan dengan itu, adat tradisi ini dapat dijadikan sebagai warisan oleh masyarakat yang mengamalkannya sehingga kini seperti membuat kraf buluh. Oleh itu, adat tradisi merupakan sosiobudaya masyarakat yang perlu dikekalkan supaya ianya tidak dilupakan.

### 2.3 Sosiobudaya dalam Bidang Lain

Sazali, M. F., & Ya, C. A. C. (2020) dalam kajian “Kalbu Qalha Sebuah Dokumentasi Sosiobudaya Negeri Kedah” telah membincangkan tentang sebuah karya yang bertajuk Kalbu Qalha yang memperlihatkan mengenai dokumentasi sosiobudaya di Negeri Kedah. Dalam kajian ini, penulis menggunakan pendekatan sejarah yang dikeluarkan oleh Hippolyte Taine. Pendekatan ini digunakan untuk mengetahui aspek-aspek sejarah yang dipelopori di dalam karya ini. Dokumentasi ini berkaitan dengan gambaran kehidupan masyarakat di Negeri Kedah. Pengkajian ini memberi fokus kepada aspek politik, ekonomi, dan budaya. Dengan ini dapat dilihat bahawa dokumentasi Kalbu Qalha menggambarkan sosiobudaya masyarakat di Negeri Kedah.

Ng, Y. J. (2019). dalam kajian “Intertextuality In The Socio-Cultural Element Of Howl’s Moving Castle” telah membincangkan tentang sebuah film animasi terkenal yang dikeluarkan oleh Studio Ghibli pada tahun 2004. Dalam filem ini mengisahkan tentang perubahan Sophie Hatter dari segi mental dan fizikal yang disihir oleh old Witch of the Waste. Kajian ini dapat dilihat bahawa dalam filem Howl’s Moving Castle telah meletakkan sosio-budaya yang diarahkan oleh pengarah filem iaitu Hayao Miyazaki. Dalam pada itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji mengenai konsep-konsep intertekstual yang diterapkan untuk mengenal pasti mengenai sosio-budaya yang digunakan di dalam filem Howl’s Moving Castle.

Kesimpulannya, menerusi kajian lepas ini mendapati bahawa sosiobudaya merupakan satu bidang yang sangat luas kerana ianya juga melibatkan dalam sebuah filem, fotografi dan dokumentari. Dalam bidang ini, memainkan peranan dalam memerihalkan kehidupan masyarakat dengan memberi gambaran yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat kini. Setiap apa dipamerkan mempunyai maksud yang tersendiri supaya masyarakat sedar dan perlu mengambil berat mengenai kehidupan masyarakat yang lain.

#### **2.4 Isu-isu Sosiobudaya dalam Hikayat-hikayat Lain**

Tuah, D. (2021) dalam kajian “Citra Sosiobudaya Membentuk Identiti Kepengarangan Penulis Bumi Kenyalang: Satu Sorotan” telah membincangkan tentang masyarakat di Sarawak mempunyai pelbagai etnik yang dapat menghasilkan karya yang berkaitan dengan sosiobudaya. Karya yang kreatif dapat membentuk identiti kepengarangan penulis Bumi Kenyalang dan juga dapat menggambarkan kehidupan masyarakat, sistem nilai, kepercayaan, budaya dan sebagainya. Di Sarawak, karya yang terkenal yang berkaitan dengan sosiobudaya adalah karya yang dikarang oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid pada tahun 1876 yang bertajuk *Hikayat Panglima Nikosa*. Karya ini membangkitkan elemen sosiobudaya yang dapat dilihat daripada sudut pandangan, watak-perwatakan dan lain-lain. Dengan ini dapat dilihat bahawa dengan adanya karya mengenai sosiobudaya ini dapat membentuk identiti kepengarangan penulis Bumi Kenyalang.

Ridhwan, A. dalam kajian “Genius Naratif Dan Genius Pemikiran Dalam Dua Karya Sastera Lisan Melayu” telah membincangkan mengenai sastera lisan yang disampaikan menerusi pertuturan mengenai isu-isu serta konflik yang berlaku pada ketika dulu yang dapat diketahui oleh masyarakat sekarang. Dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks iaitu karya *Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Justeru itu, hasil kajian ini mendapati dua karya sastera lisan ini mempunyai unsur etnosentrisme dan pemikiran pascakolonial yang melibatkan penjajahan dari barat. Tuntasnya, kajian ini ingin membangkitkan isu-isu dan konflik antara penjajahan barat dan pahlawan tempatan untuk menjaga keamanan negeri.

Zakaria, S., & Jalaluddin, N. J. (2015) dalam kajian “Konsep Ruang Melalui Flora Dalam Cerita Anggun Cik Tunggal: Analisis Semantik Inkuisitif” telah membincangkan tentang ruang yang dapat digambarkan oleh masyarakat melalui mata kasar atau ruang fizikal. Dalam konsep ruang ini ianya juga tertumpu kepada hubungan dengan sosial dan hubungan dengan ruang masa. Konsep ini merupakan asas kepada kehidupan masyarakat. Antara cerita lisan yang menggunakan konsep ruang tetapi tidak terungkap secara jelas dalam ungkapan ialah cerita lipur lara. Hal ini kerana konsep ruang merupakan konsep yang menggunakan bahasa irama berdasarkan pemilihan flora yang tertentu. Dalam kajian ini dapat dilihat *cerita Anggun Cik Tunggal* menggunakan konsep ruang melalui flora yang dipilih dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Sarif, H. (2010) dalam kajian “Keimplisitan Ujaran Dalam *Hikayat Hang Tuah* Dari Sudut Pragmatik” telah membincangkan tentang ujaran-ujaran yang dituturkan dalam *Hikayat Hang Tuah* yang mempunyai makna implisit yang dapat menyampaikan mesej kepada para pendengar. Pelbagai makna implisit yang dapat ditafsirkan mengikut pendengar masing-masing. Dapat dilihat bahawa maksud ujaran tersebut tidak bergantung kepada makna perkataan malah bergantung kepada pendengar yang dapat dijadikan implisit ujaran. Dalam kajian ini melihat dari sudut mengkaji, kesan konteks dan set-set andaian oleh penutur akan menyampaikan maksud yang sebenar mengikut apa yang diinginkan. Watak-watak *Hikayat Hang Tuah* bertujuan untuk menyampaikan maklumat, menyindir, memberitahu dan meluahkan perasaan mengenai setiap perkara yang berlaku.

bt Zakaria, N. (2014) dalam kajian “Bayangan Inses Dalam *Hikayat Raja Pasai*” telah membincangkan tentang gambaran bayangan inses melalui sikap dan tindak tanduk Sultan Ahmad Perumadal Perumal. Dalam Islam inses merupakan perkara yang haram di sisi agama kerana ianya adalah perbuatan terkutuk dan menurut budaya Melayu perbuatan tersebut seperti “haruan makan anak”. Namun begitu, pengarang sudah pun memaparkan simbolik dan kesan akibat daripada bayangan inses tersebut mengikut adab kepengarangan Melayu. Oleh itu, dapat dilihat dalam kajian ini peranan kepengarangan dalam membasmi bayangan inses dengan menggunakan pendekatan Psikoanalisis Freud.

Hakim, M. T. (2014) dalam kajian “Estetika Di Dalam *Hikayat Malim Deman*” telah membincangkan tentang aspek estetik yang terdapat di dalam naratif *Hikayat Malim Deman*. Dalam kajian ini mengisahkan mengenai penglipur lara dan estetika bagi setiap aspek dengan menggunakan pendekatan didaktis. Selain itu, kajian ini memperoleh nilai-nilai yang dapat dijadikan sebagai rujukan seperti nilai kebijaksanaan, kesetiaan, ketaksamaan, kesedaran dan kerja keras. Nilai-nilai mampu membentuk sahsiah diri dan meningkatkan kerohanian kepada para pembaca. Dengan ini, dapat dilihat nilai estetika yang terdapat di dalam *Hikayat Malim Deman* dapat memberi faedah dan manfaat kepada orang lain.

Kesimpulannya, dapat dilihat menerusi kajian lepas dalam hikayat-hikayat Melayu ini banyak memaparkan kepada isu-isu dan konflik yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kebanyakan hikayat-hikayat Melayu mempunyai konflik sama ada dengan bangsa sendiri atau dengan orang lain disebabkan oleh perkara-perkara yang melibatkan kepada perebutan kuasa, tahta, tanah dan sebagainya. Oleh itu, isu-isu dan konflik ini juga dapat dijadikan pedoman kepada masyarakat menerusi kesan yang akan dapat setelah berbuat demikian. Dengan ini, hikayat-hikayat ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat kini mengenai kehidupan masyarakat terdahulu menerusi cerita-cerita dalam hikayat.

## 2.5 Teori Sosial Emile Durkheim Menurut Sarjana Lain

Arif, A. M. (2020) dalam kajian “Perspektif Teori Sosial Emile Durkheim dalam Sosiologi Pendidikan” telah membincangkan mengenai pandangan sosiologi pendidikan Durkheim dan kaitannya dengan fenomena pendidikan sosial pendidikan semasa. Kajian ini menggunakan kaedah studi literatur dan pendekatan analisis kualitatif. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa fakta sosial oleh Durkheim sangat berkaitan dengan studi sosial terutamanya studi tentang pendidikan dan Durkheim telah menyumbang kepada pembinaan sistem pendidikan dengan pendekatan sosiologi berdasarkan pendekatan struktur fungsional dan teori fakta sosial, perpaduan sosial, dan moral. Secara keseluruhannya, Durkheim menekankan pembinaan pendidikan berdasarkan pengukuhan nilai-nilai kesedaran kolektif, serta menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran untuk terus hidup. Dengan ini, dapat dilihat menggunakan teori fakta sosial dalam pendidikan yang memerihalkan berkenaan dengan sosial kehidupan.

Hanifah, U. (2019) dalam kajian “Transformasi Sosial Masyarakat Samin Di Bojonegoro (Analisis Perubahan Sosial dalam Pembagian Kerja dan Solidaritas Sosial Emile Durkheim” telah membincangkan mengenai perubahan sosial yang dapat dilihat menerusi masyarakat tradisional ke masyarakat moden. Kajian ini mengemukakan satu objektif iaitu mengemukakan berkenaan dengan asal usul kehidupan masyarakat Samin. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah penelitian kualitatif iaitu pengumpulan data dari dokumen sejarah Samin, bahan kepustakaan, video

filem dan jurnal ilmiah. Hasil dapatan kajian mendapati masyarakat Samin mengalami beberapa perubahan dari semua bidang. Namun begitu, masyarakat Samin masih berpegang teguh kepada ajaran Saminisme. Dengan ini, dapat dilihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat Samin daripada tradisional ke modern tetapi masih lagi mengamalkan ajaran Saminisme dalam kehidupan mereka.

Susanti, S., Mursalim, I. S. H., & Hanum, I. S. (2020) dalam kajian "Fakta Sosial Emile Durkheim dalam Novel *Hafalan Shalat Delisa* Karya Tere Liye: Tinjauan Sosiologi Sastra telah membincangkan mengenai unsur luaran dalam Novel *Hafalan Shalat Delisa* yang dapat dilihat menerusi plot, watak dan perwatakan dan latar. Objektif kajian ini ialah menganalisis berkenaan dengan cerita dalam novel *Hafalan Shalat Delisa*. Kaedah kajian ialah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian teks. Hasil dapatan kajian ini dapat mengetahui plot dalam novel ini iaitu hadapan, terdapat watak utama dan watak tambahan dan latar tempat di Lhok Nga serta nilai pendidikan karakter. Dengan ini, kajian ini mengkaji berkenaan dengan unsur luaran dalam novel ini dengan menggunakan fakta sosial.

Nisak, T. (2018) dalam kajian "Pandangan Mengenai Prospek Kerja Alumni Prodi Aqidah dan Filsafat Islam di Kalangan Mahasiswa Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya Paradigma Fakta Sosial Emile Durkheim" telah membincang mengenai pandangan pelajar UINSA berhubung prospek pekerjaan alumni Program Pengajian AFI, berkaitan paradigma fakta sosial Emile Durkheim. Pandangan positif dan negatif pelajar USIA yang menjadi

penanda aras adalah prospek pekerjaan alumni Program Pengajian AFI. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, yang dibaca menggunakan analisis deskriptif. Data didedahkan dan diperolehi daripada hasil temu bual dengan informan atau orang sumber. Dapatan kajian mendapati bahawa orang ramai memberi pandangan baik atau buruk tetapi menjurus kepada prospek pekerjaan alumni Program Pengajian AFI. Dengan ini, dapat dilihat prospek kerja masa depan, ini adalah sebahagian daripada realiti paradigma fakta sosial Emile Durkheim, iaitu sebagai cara bertindak, berkelakuan, berfikir, berkata. Secara umumnya, pelajar UIZA optimis bahawa semua prospek pekerjaan adalah baik untuk alumni Program Pengajian AFI atas pelbagai alasan.

Kamiruddin, K. (2011) dalam kajian "Fungsi Sosiologis Agama (Studi Profan dan Sakral menurut Emile Durkheim) telah membincangkan mengenai Emile Durkheim seorang intelektual yang meliputi konteks budaya sosial dan memberi penekanan terhadap sains dan pembaharuan sosial. Beliau dianggap menduduki kedudukan penting dalam perkembangan sosiologi. Kaedah kajian adalah menggunakan sudut pandangan sosial. Hasil dapat kajain mendapati Durkheim mendakwa tanpa kewujudan masyarakat yang melahirkan dan membentuk semua itu tiada apa yang akan muncul dalam kehidupan. Dengan ini, dapat dilihat Durkheim mendapati bahawa ciri-ciri paling asasi bagi setiap kepercayaan agama bukanlah dalam unsur-unsur "gaib" tetapi dalam konsep "yang suci" di mana kedua-duanya yang ghaib dan yang suci mempunyai perbezaan asas dan mempunyai fungsi sosial.

Nugroho, A. C. (2021) dalam kajian “Teori Utama Sosiologi Komunikasi (Fungsionalisme Struktural, Teori Konflik, Interaksi Simbolik)” telah membincangkan mengenai terdapat dua komunikasi utama yang digunakan untuk mengukur masalah sosial iaitu mikro dan makro. Hasil kajian mendapat ketiga-tiga teori ini mempunyai fungsi masing-masing dalam mengungkap mengenai masalah sosial seperti fungsionalisme struktural berperanan menjaga stabilitas, teori konflik melihat masyarakat menerusi kelompok dan kelas dan interaksi simbolik mengikut aktiviti utama manusia itu sendiri. Dengan ini dilihat bahawa teori-teori saling berkomunikasi antara satu sama lain.

Kesimpulannya, kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji lain mengenai teori struktural fungsionalisme berdasarkan tokoh yang lain seperti Robert K.Merton, Max, dan sebagainya. Setiap tokoh mempunyai perbezaan pendapatan dan olahan idea yang dikemukakan oleh mereka adalah berbeza mengenai teori sosial Dengan ini, pengkaji mendapati bahawa kajian menurut Emile Durkheim merupakan kajian yang begitu dekat dengan sosiobudaya masyarakat.

## 2.6 Penutup

Secara keseluruhannya, dapat dilihat menerusi kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana tersebut bahawa terdapat kelompongan mengenai tajuk kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu “Elemen-Elemen Sosiobudaya Masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*:

Aplikasi Teori Sosial oleh Emile Durkheim". Hal ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk melakukan kajian ini. Berdasarkan kajian-kajian berikut telah membuktikan bahawa tajuk kajian pengkaji belum dilakukan oleh para sarjana yang lain. Kajian mengenai *Hikayat Anggun Cik Tunggal* lebih memfokuskan kepada sosiobudaya masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang memerihalkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat golongan istana pada zaman dahulu. Manakala, kajian mengenai teori sosial oleh Emile Durkheim juga banyak dilakukan oleh pengkaji luar seperti di Indonesia dan kebanyakan kajian tidak tertumpu sepenuhnya kepada satu tokoh sahaja. Hal ini dapat memberi peluang yang luas kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini untuk mengisi kelomongan yang bertajuk "Elemen-Elemen Sosiobudaya Masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*: Aplikasi Teori Sosial oleh Emile Durkheim

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, teks kajian iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal*, laman web dan menggunakan teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim menerusi aspek fakta sosial bagi menyiapkan kajian ini. Hal ini kerana, ia berfokuskan kepada sosiobudaya masyarakat. Metodologi kajian akan memastikan kajian atau penyelidikan yang dilaksanakan lebih bersistematis dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

#### 3.1 Kepustakaan

Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat atau kosa ilmu bagi tugas kajian ini. Oleh yang demikian, kepustakaan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data atau maklumat daripada bahan-bahan dokumen yang sedia ada. Di samping itu, pengkaji juga telah berkunjung ke perpustakaan dengan tujuan untuk mengumpul beberapa bahan dan sumber rujukan yang berkaitan dengan kajian iaitu Elemen-elemen Sosiobudaya Masyarakat dan

teori Sosial Emile Durkheim. Perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji ialah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Antara sumber rujukan tambahan yang digunakan oleh pengkaji seperti buku-buku, Kamus Dewan Bahasa, Jurnal Teniat dan sebagainya.

### **3.2 Teks Kajian**

Kajian ini melibatkan pembacaan teks iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang dikarang oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya pada tahun 2016. Hikayat ini merupakan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Disamping itu, buku *Hikayat Anggun Cik Tunggal* ini dipilih kerana ia banyak memaparkan berkenaan dengan elemen-elemen sosiobudaya masyarakat terdahulu yang menjadi tujuan utama dalam kajian ini. Selanjutnya, dalam kajian ini menganalisis secara sistematis bagi menghuraikan elemen-elemen sosiobudaya dengan menggunakan teori yang sesuai dengan tajuk kajian iaitu teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim.

### **3.3 Laman Web**

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi melengkapi kajian ini. Seterusnya, pengkaji juga telah melayari internet bagi mendapatkan sumber maklumat berkaitan dengan elemen-elemen sosiobudaya masyarakat dan teori sosial oleh Emile

Durkheim. Antaranya seperti jurnal-jurnal, tesis sarjana lain, artikel dan sebagainya.

### 3.4 Teori Sosial oleh Emile Durkheim

Emile Durkheim diiktiraf sebagai "Bapa Metodologi Sosiologi". Hal ini kerana beliau merupakan salah seorang penyumbang utama kepada kemunculan sosiologi. Arif, A. M. (2020: p.2) menjelaskan bahawa Durkheim bukan sahaja mampu perkembangan sosiologi di Perancis, malah beliau juga berjaya mengesahkan kewujudan sosiologi sebagai sebahagian daripada ilmu sains yang mempunyai ciri-ciri yang boleh diukur, boleh diuji, dan objektif. Menurut Durkheim, tugas sosiologi adalah untuk mengkaji apa yang disebutnya sebagai "fakta sosial", iaitu kekuatan dan struktur yang bersifat luaran, tetapi mampu mempengaruhi tingkah laku individu. Dengan kata lain, fakta sosial ialah cara bertindak, berfikir, dan merasa, yang berada di luar individu, dan mempunyai kuasa paksaan yang mengawalnya. Fakta sosial yang dimaksudkan di sini bukan sahaja material, tetapi juga bukan material, seperti budaya, agama, atau institusi sosial. Durkheim percaya bahawa masyarakat boleh dikaji secara saintifik. Beliau menolak pendekatan individu dalam memahami fenomena dalam masyarakat dan lebih mengutamakan pendekatan sosial. Oleh itu, Durkheim juga cuba memperbaiki kaedah pemikiran sosiologi yang bukan sahaja berasaskan pemikiran logik falsafah tetapi juga sosiologi. Atas usahanya untuk menjadikan sosiologi sebagai

disiplin saintifik baru, Durkheim dianggap sebagai bapa sosiologi moden, selain digelar "Bapa Metodologi Sosiologi".

Lantaran daripada itu, Emile Durkheim dilahirkan pada 15 April 1858 di bandar Epinal, Wilayah Lorraine berhampiran Strasbourg, Timur Laut Perancis. dan kritikal. Di sini jugalah pemikiran Durkheim terbentuk dan dipengaruhi oleh dua orang profesor terkemuka, iaitu, Fustel De Coulanges dan Emile Boutroux.<sup>3</sup> Selepas menamatkan pendidikannya di Ecole Ormale Supérieure, Durkheim mengajar falsafah di salah sebuah Lycees Louis-Le-Grand. sekolah menengah di Paris pada tahun 1882 -1887. Kemudian dia juga sempat ke Jerman untuk belajar Psikologi dengan Wilhelm Wundt. Kemudian pada tahun 1887, beliau telah dilantik sebagai saintis sosial di Fakulti Pendidikan dan Fakulti Sains Sosial di Universiti Bourdeaux.

Terdapat beberapa sumber penting yang menjadi latar belakang yang menentukan cara berfikir Durkheim antaranya Auguste Comte (1798-1857). Selain Comte, Durkheim juga dipengaruhi dan mengikuti tradisi yang digariskan oleh Saint Simon, Ernest Renan dan gurunya sendiri Fustel de Coulanges. Selain itu, situasi dan keadaan Perancis moden yang mengalami revolusi besar pada akhir 1800-an juga mempunyai pengaruh tersendiri terhadap perkembangan pemikiran Durkheim.

Metodologi Durkheim berkaitan dengan pendirian yang sangat deterministik yang berpendapat bahawa individu tidak berdaya dalam menghadapi batasan daripada kuasa sosial yang mengakibatkan kepatuhan kepada norma sosial atau tingkah laku yang disebabkan oleh norma sosial ini. Durkheim juga menggabungkan pengasingan saintifik dan determinisme kausal dengan kepercayaan bahawa sains sosial menyediakan beberapa jenis jawapan kepada soalan etika normatif falsafah tradisional. Implikasi daripada pandangan "positivistik" Durkheim tentang "moral dalam aplikasi" kemudiannya dikategorikan sebagai "fakta sosial". Durkheim berpandangan bahawa fakta sosial adalah jauh lebih asas daripada faktta individu.

Teori ini merupakan hasil dari imajinasi Emile Durkheim yang membayangkan masyarakat dalam satu kelompok yang berpengaruh dan saling memerlukan antara satu sama lain. Dalam teori ini membahaskan mengenai sistem sosial yang perlu dilaksanakan dengan betul mengikut elemen-elemen yang telah ditetapkan berdasarkan peranan masing-masing. Terdapat empat perkara utama berdasarkan idea dan pemikiran yang telah digagaskan oleh Emile Durkheim berkaitan dengan teori-teori sosial iaitu pendekatan fakta sosial, perpaduan dalam masyarakat, agama dan fenomena bunuh diri.

### 3.4.1 Fakta Sosial

Fakta sosial berdasarkan karya oleh Emile Durkheim yang bertajuk “*The Rules Of Sociological Method*” yang membahaskan mengenai mengenai ilmu sosiologi. Fenomena sosial ini berkaitan dengan kehidupan masyarakat seperti perkahwinan, adat resam, undang-undang, pendidikan, kepercayaan, kepimpinan dan lain-lain. Emile Durkheim menyatakan bahawa fakta sosial merupakan inti yang penting untuk melihat berkaitan dengan fakta-fakta sosial yang terdapat pada masyarakat tersebut. Fakta sosial adalah mengkaji secara objektif dan terkawal dianggap sebagai benda “*things*”. Kehidupan masyarakat yang berpengaruh akan terikat dengan cara hidup masyarakat seperti kepercayaan, amalan, peraturan-peraturan dan lain-lain yang berada dalam kelompok fakta sosial yang boleh diterima oleh semua golongan masyarakat. Sebagai contoh peraturan mengenai perkahwinan seseorang individu tersebut perlu akur dan ikut prosedur yang telah ditetapkan yang menjadi amalan bersama. Jika terdapat individu yang melanggar peraturan ini akan dikenakan tindakan yang sewajarnya. Hal ini untuk mengekalkan kestabilan dan menjamin kesejahteraan masyarakat.

### 3.4.2 Perpaduan Masyarakat

Perpaduan masyarakat dapat dilihat menerusi buku Emile Durkheim yang bertajuk “*Division of Labour in Society*”. Buku ini memperlihatkan berkenaan dengan masyarakat memerlukan perpaduan dalam kehidupan mereka.

Pendekatan ini mempunyai dua bentuk perpaduan iaitu perpaduan mekanik dan perpaduan organik.

### i. Perpaduan Mekanik

Perpaduan dicipta mengikut kepada asas-asas persamaan. Hal ini dapat dilihat menerusi ciri-ciri persamaan yang banyak antara anggota masyarakat dengan yang lain seperti adanya emosi yang sama, nilai yang sama dan emosi nasib yang sama. Oleh itu, kumpulan ini dikategorikan sebagai “Collective Consciousness”. Emile Durkheim menyatakan bahawa perpaduan mekanik berlaku pada golongan masyarakat yang sederhana dan yang berada di luar kawasan bandar.

### ii. Perpaduan Organik

Perpaduan organik merupakan bentuk perpaduan yang wujud pada satu-satunya masyarakat yang mempunyai kelainan struktur iaitu masyarakat kota yang kompleks. Masyarakat ini merupakan masyarakat yang tidak mempunyai peluang untuk memenuhi keperluan sendiri.

#### 3.4.3 Agama

The Elementary Forms of Religious Life (1912/1965) merupakan karya terakhir Durkheim yang memfokuskan kepada bentuk akhir fakta sosial bukan

material yang berkaitan dengan agama. Durkheim menyimpulkan bahawa agama dan masyarakat adalah satu dan serupa. Masyarakat menggunakan agama sebagai cara untuk mempamerkan dirinya yang berkaitan dengan fakta sosial yang bukan material.

Durkheim mengkaji teori ini dari sudut sosiologi adalah berkaitan dengan ciri, bentuk sumber, kesan dan kepelbagaian agama. Selain itu juga, Durkheim menyatakan agama diwujudkan oleh masyarakat itu sendiri. Hal ini menyebabkan masyarakat itu dapat membezakan antara perkara yang dianggap suci dengan perkara yang dianggap sebagai duniawi atau profan. Agama merupakan pendapat asas bagi Dukheim kerana ia berkaitan dengan kewujudan hati yang nurani walaupun sentiasa ada manifestasi lain. Simbol masyarakat itu sendiri dianggap sebagai Tuhan kerana ketelitian yang kolektif yang kemudiannya berubah menjadi perwakilan kolektif. Tuhan telah menjadi sebagai idealisme masyarakat itu sendiri kerana beranggapan Tuhan merupakan makhluk yang paling sempurna atau personifikasi masyarakat.

Kesimpulannya, agama adalah simbol perwakilan kolektif dalam bentuk idealnya, agama adalah sarana yang dapat memperkuuh kesedaran kolektif seperti dengan kewujudan upacara keagamaan. Antara masyarakat yang terlibat dalam upacara keagamaan ini dapat memberi kesedaran kepada mereka terhadap keinsafan kolektif semakin meluas. Setelah itu, upacara keagamaan ini dapat mencetus suasana keagamaan yang berada di dalam

kehidupan seharian yang kemudiannya secara perlahan keinsafan kolektif kembali menjadi lemah.

### **3.4.4 Fenomena Bunuh Diri**

Mengikut Emile Durkheim dalam bukunya iaitu “Suicide” di bawah sosiologi. Dalam buku ini memerihalkan berkenaan dengan fenomena bunuh diri. Perkara ini terjadi disebabkan oleh faktor tindakan bunuh diri yang berkaitan dengan darjah integrasi dalam masyarakat samada tinggi atau rendah. Ia juga berkait dengan darjah tekanan perasaan ke atas penduduk samada tinggi atau rendah. Terdapat empat jenis tindakan bunuh diri iaitu bunuh diri egoistik, bunuh diri altruistik, bunuh diri anomik dan bunuh diri fatalistik. Jenis-jenis tindakan bunuh diri ini mempunyai perbezaan dan persamaan yang tersendiri.

#### **i. Bunuh Diri Egoistik**

Bunuh diri egoistik ini berlaku disebabkan oleh kelonggaran perpaduan dan integrasi dalam masyarakat. Hal ini menyebabkan seseorang individu itu merasa tertekan terhadap masalah yang dihadapinya seperti faktor pekerjaan, ketiadaan tempat tinggal, ketiadaan kos sara hidup dan sebagainya. Disebabkan perkara ini individu tersebut mengambil jalan yang mudah dengan membunuh diri.

## ii. Bunuh Diri Altruistik

Bunuh diri altruistik ini terjadi disebabkan oleh darjah integrasi dalam masyarakat yang kuat. Hal ini akan mengakibatkan ke semua anggota masyarakat perlu melakukan tindakan membunuh diri secara beramai-ramai demi menjaga kesejahteraan. Kesemua pengikut Reverend Jim Jones di Jonestown Guyana akan mengikut tindakannya membunuh diri mereka secara beramai-ramai.

## iii. Bunuh Diri Anomik

Bunuh diri anomik berlaku apabila terdapat gangguan regulasi atau peraturan masyarakat. Mereka tidak dapat mengatur dan mengawal cara hidup, tindakan kampung kerana ketiadaan peraturan yang tetap dalam kehidupan mereka. Dengan ini, mereka kehilangan arah tujuan untuk menjalani kehidupan mereka. Hal ini dapat dilihat menerusi perubahan pesat dalam pelbagai bidang yang menyebabkan tiada peraturan yang baru diwujudkan. Disebabkan hal yang demikian, masyarakat tidak ada punca kehidupan kerana tidak ada peraturan yang mengawal sehingga mereka mengambil keputusan untuk membunuh diri.


#### iv. Bunuh Diri Fatalistik

Bunuh diri fatalistik berlaku disebabkan oleh darjah masyarakat yang terikat dengan peraturan yang telah ditetapkan. Sebagai contoh tindakan bunuh diri yang diambil oleh hamba abdi kerana tidak sanggup lagi disiksa dan dikongkong dengan begitu kejam sehingga relakan diri untuk mati.

Kesimpulannya, kajian dalam bab ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memfokuskan kepada satu teks sahaja iaitu *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan menggunakan teori sosial. Teori sosial mempunyai empat bahagian iaitu fakta sosial, perpaduan masyarakat, agama dan fenomena bunuh diri. Namun pengkaji telah memilih satu bahagian sahaja iaitu fakta sosial dalam menyiapkan tugas kajian ini kerana bahagian ini merupakan bahagian yang sangat berkaitan dengan tajuk kajian kerana memfokuskan kepada sosiobudaya masyarakat. Oleh itu, pengkaji memilih bahagian ini supaya selari dengan tajuk kajian.

### 3.5 Kerangka Konseptual

Elemen-elemen Sosiobudaya Masyarakat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*: Aplikasi Teori Sosial oleh Emile Durkheim



### 3.6 Penutup

Secara rumusannya, dalam bab ini telah menjelaskan mengenai kaedah metodologi kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu teks kajian *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan teori sosial oleh Emile Durkheim menerusi pendekatan fakta sosial. Pengkaji memilih teori sosial pendekatan fakta sosial adalah kerana ia memfokuskan kepada cara kehidupan masyarakat seperti peraturan, amalan, kepercayaan dan lain-lain yang berkait rapat dengan tajuk kajian pengkaji. Oleh itu, fakta sosial ini sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis elemen-elemen sosiobudaya masyarakat Melayu yang terdapat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dan fungsi-fungsi sosiobudaya dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dengan mengaplikasikan teori sosial pendekatan fakta sosial oleh Emile Durkheim. Elemen-elemen sosiobudaya ini merupakan pegangan dan amalan masyarakat Melayu suku Minangkabau dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* yang dapat dilihat dari segi kepercayaan, bahasa, adat resam, pantang-larang dan struktur masyarakat atau kelas sosial dan fungsi-fungsi sosiobudaya dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* iaitu keharmonian hidup, pengajaran moral, lambang kepada suatu kaum dan penghormatan.

#### 4.1 Elemen-elemen Sosiobudaya

##### 4.1.1 Kepercayaan

Nasir, K., Rahim, K. Z., & Mamat, S. (2019: p.31) menjelaskan kepercayaan bermaksud perakuan terhadap kebenaran mengenai sesuatu perkara. Sehubungan dengan itu, rasa kepercayaan ini akan timbul dalam diri seseorang individu apabila wujudnya suatu kepastian terhadap perkara yang berkenaan. Setiap kepercayaan ini bergantung kepada seseorang mengenai sesuatu kebenaran sama ada jangkaan, penuntutan dan penekanan. Kebiasaannya, melibatkan pemikiran dan kepercayaan yang sudah berlaku dalam diri manusia itu sendiri. Menurut Jaszczolt (1999: p.31) mengemukakan bahawa individu yang beranggapan ia adalah sahih namun secara objektif kebenaran berkemungkinan sahih ataupun palsu.

Kepercayaan dan agama ini dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu Kaltsum, L. U., & Tsauri, M. N. (2012: p.286) menjelaskan kepercayaan animisme bermaksud kepercayaan terhadap makhluk halus dan roh. Mereka mempercayai bahawa dengan pemujaan dan penyembahan ini dapat memberi perlindungan dan dapat memenuhi permintaan mereka. Selain itu, totemisme menurut Muhamat, R. (2012: p.398) adalah kepercayaan terhadap haiwan tertentu yang dianggap suci dan disembah kerana mempunyai kekuatan yang luar biasa yang tidak dimiliki oleh orang lain. Sehubungan dengan itu, politeisme menurut Kohara, K. (2006: p.1) menerusi Nasir, K. (2019: p.383) politeisme ialah kepercayaan kepada banyak tuhan seperti dewa-dewi, roh serta arca dengan melakukan upacara pemujaan di tempat-tempat ibadat dengan melakukan aktiviti ritual dan upacara serta mitodologi tertentu. Di samping itu, menurut al-Sayed Muhammad Rashid (1365 H p:63) menerusi Muhamat, R. (2003: p.153) monoteisme dimaksudkan sebagai

“amalan dan kepercayaan kepada satu tuhan”. Kepercayaan ini menyebabkan manusia takut untuk melakukan perkara yang dapat memusnahkan dirinya dan juga orang lain serta mereka takut untuk melaksanakan perkara yang dilarang oleh tuhan. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa jenis kepercayaan dan agama namun dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada satu kepercayaan sahaja yang terdapat di dalam teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* iaitu kepercayaan dan agama dinamisme.

#### 4.1.1.1 Kepercayaan Dinamisme

Kaltsum, L. U., & Tsauri, M. N. (2022: p.19) menyatakan berdasarkan pendapat Husainy Dinamisme berasal dari bahasa Yunani iaitu *dynamis* (*dunamos*) yang bermaksud kekuatan, kekuasaan dan kegunaan. Dinamisme diertikan sebagai suatu kefahaman yang mempunyai kekuatan yang tidak dimiliki oleh manusia, haiwan dan benda-benda alam yang lain. Sementara itu, dinamisme merupakan kepercayaan terhadap segala sesuatu yang memiliki kekuatan atau tenaga yang mempengaruhi mengenai keberhasilan dan kegagalan dalam hasil usaha manusia mempertahankan hidup. Sehubungan dengan itu, kepercayaan ini adalah suatu keyakinan bagi daya yang wujud dalam zat suatu benda yang dapat memberikan suatu petanda sama ada bakhra atau mara-bahaya. Perkara sedemikian selalunya berkait dengan kepercayaan kewujudan ilmu kesaktian yang berasal daripada api, batu, air, pohon, haiwan, manusia dan sebagainya. Unsur dinamisme akan dicipta berdasarkan kepercayaan manusia terhadap daya lain diluar batas

kemampuan manusia itu sendiri. Perkara ini terjadi kerana setiap manusia akan ada rasa ingin kepada pertolongan dan berharap kepada zat lain yang dapat memenuhi permintaan mereka. Oleh itu, lahirlah sistem dinamisme yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan menerusi proses pemujaan terhadap nenek moyang telah meninggal, pohon-pohon, benda harta-pusaka, dan lain-lain. (Afandi, 2016: p.2-3)

Sementara itu, kepercayaan nenek moyang pada zaman dahulu lebih tertumpu kepada kehidupan selepas mati. Hal ini dapat dilihat berdasarkan cara mereka menjaga diri supaya setelah meninggal dunia atau mati roh mereka akan dihormati. Sebagai contohnya barang perhiasan (ornamen) digunakan untuk bekal kubur yang dikenali dengan makna dolmen, sarkofagus, dan *menhir*. Menurut Salim Natonis (p.76) menerusi Kaltsum, L. U., & Tsauri, M. N. (2022: p.19-20) menjelaskan masyarakat Desa Pili menjalankan hubungan dengan makhluk halus dengan melakukan ritual doa kepada arwah nenek moyang bertujuan untuk mendapatkan perlindungan. Selain itu, kadang-kala kepercayaan manusia terhadap alam ghaib atau roh adalah kerana mereka ingin meminta pertolongan bagi menyelesaikan masalah diluar batas kemampuan mereka. Sehubungan dengan itu, terdapat juga bantuan sebagai perantaraan untuk berkomunikasi dengan makhluk lain yang berkaitan dengan alam ghaib. Kebiasaannya, manusia ini merupakan seorang yang mempunyai ilmu berkenaan dengan alam ghaib seperti dukun atau para paman. Mereka percaya bahawa dukun dapat berkomunikasi dengan para arwah dan mempunyai ilmu yang luar biasa seperti magis yang

dapat memberi pertolongan, nasihat dan penentuan kepada barakah atau malapetaka. (Anggorodi, 2009: p.10).

Santoso, M. S., Afdal, S. U., & Pi, M. (2019: p.6) menyatakan bahawa kepercayaan manusia terhadap dinamisme semakin berkembang menerusi kepercayaan terhadap kekuatan besar yang dimiliki berkaitan dengan benda-benda tertentu. Kemudian, benda-benda tersebut dipuja dan bagi mendapat keberkatan hidup. Antara benda-benda yang dianggap suci seperti tombak, keris, gamelan, cincin, kalung, pisau dan sebagainya. Kepercayaan dinamisme ini dapat dilihat dalam petikan 1 berdasarkan teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* di bawah ini.

Hatta, seketika lagi Tuan Puteri pun makin sangat geringnya itu, lalulah berpaut segenap bahu inang pengasuhnya serta dengan tangisnya yang teramat sangat. Maka sekalian **tabib, bomoh dan dukun** pun datanglah menjampi di ulu Tuan Puteri, dan Datuk Orang Kaya Besar pun hadir duduk hampir dengan Tuan Puteri dengan **pelbagai jampi-jampian supaya lepas dengan segeranya**, tiada lalu ia memandang hal yang sedemikian itu.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.15)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan masyarakat terdahulu mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap ajaran ilmu ghaib yang dapat menyembuhkan pelbagai penyakit termasuklah penyakit yang dihadapi oleh tuan puteri tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, tabib, bomoh dan dukun memainkan peranan yang besar terhadap ilmu perubatan masyarakat Melayu terdahulu. Golongan tersebut mengeluarkan ayat-ayat yang dikenali sebagai jampi untuk menghilangkan rasa sakit tuan puteri. Mereka menggunakan cara dengan berkomunikasi terhadap makhluk ghaib untuk memberi mereka kekuatan bagi menyembuhkan penyakit. Mereka percaya dengan adanya pertolongan daripada makhluk tersebut dapat mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Kepercayaan terhadap tabib, bomoh dan dukun dalam petikan di atas menunjukkan masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempercayai dinamisme yang dapat memberi perlindungan dalam kehidupan mereka. Jelaslah bahawa kepercayaan ini telah menjadi satu pegangan bagi masyarakat Melayu suku Minangkabau suatu masa dahulu dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

Kesimpulannya, dalam dilihat *Hikayat Anggun Cik Tunggal* (2016) berkaitan dengan teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim di bawah pendekatan fakta sosial yang memerihalkan berkenaan setiap apa yang dilakukan adalah sudah menjadi kebiasaan dalam adat istiadat dan cara hidup manusia yang umum yang telah terkandung dalam institusi, hukum, moral dan ideologi-ideologi politik . Hal ini dapat dilihat bahawa masyarakat terdahulu menerapkan kepercayaan dinamisme dalam kehidupan mereka menerusi watak tabib, bomoh dan dukun yang digunakan oleh mereka sebagai

golongan yang mempunyai kuasa ghaib. Golongan ini diangugerahkan bertujuan untuk memberi pertolongan kepada masyarakat yang berada dalam kesusahan sepetimana yang terdapat dalam petikan *Hikayat Anggun Cik Tunggal* untuk menyembuhkan penyakit tuan puteri tersebut. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa kepercayaan ini telah menjadi perkara yang biasa kerana ia sering diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman itu.

#### 4.1.2 Bahasa

Bahasa menurut Rashid, S. N. M. A., & Yaakob, N. A. (2017: p.18) sebagai satu alat untuk menghubungkan antara individu dengan individu yang lain. Setiap individu dalam satu kelompok manusia akan menerapkan penggunaan bahasa dalam kehidupan harian mereka bagi memudahkan untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan memudahkan untuk menyampaikan sesuatu perkara seperti berkongsi cerita, mengeluarkan idea dan sebagainya. Bahasa amat penting bagi memahami sesuatu perkara yang ingin disampaikan. Bahasa adalah alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi bagi menyampaikan sesuatu perkara. Alat komunikasi ialah suara manusia yang saling berhubungan antara individu dengan individu yang lain. Dalam sistem perhubungan ini, terdapat juga bahasa yang tersurat dan tersirat yang diungkapkan oleh masyarakat tersebut sama ada perkataan itu positif atau negatif. Ia bergantung kepada penerimaan seseorang itu apabila mendengar pertuturan yang disampaikan. Penggunaan bahasa tersirat dikenali sebagai bahasa sindiran.

Selain itu, bahasa sindiran adalah bahasa yang mempunyai pelbagai ragam yang digunakan mengikut keadaan tertentu. Bahasa sindiran merupakan bahasa yang dapat memberi kesan yang positif dan negatif mengikut cara penerimaan seseorang itu sendiri. Hal ini kerana, bahasa sindiran adalah bahasa yang menggunakan kata yang mempunyai makna yang tersirat. Masyarakat Melayu sering menggunakan bahasa sindiran secara berkias dan makna yang samar-samar yang bertentangan dengan ungkapan yang asal. Sebagai contohnya seseorang itu ingin mengatakan sesuatu kepada orang lain dan dia dengan tidak menyebut perkataan tersebut secara langsung. Dengan ini dapat dilihat, ucapan yang ingin disampaikan tidak secara langsung dan mempunyai makna yang tersirat.

Di samping itu, bahasa sindiran ini merupakan bentuk acuan yang mempunyai arah yang khusus bagi menyatakan sesuatu perkara yang berlawanan dengan maksud yang asal. Rashid, S. N. M. A., & Yaakob, N. A. (2017: p.18) menyatakan bahawa bahasa sindiran mempunyai tiga pecahan iaitu bahasa ironi, bahasa sinisme dan bahasa sarkasme. Ketiga-tiga sindiran ini merupakan bahasa di bawah kategori sindiran yang mempunyai makna yang berbeza-beza mengikut kesesuaian yang tertentu. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada bahasa sahaja yang berkaitan dengan kajian dalam teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* iaitu bahasa ironi dan bahasa sinisme.

#### 4.1.2.1 Bahasa Ironi

Mara, R. S., & Bahry, R. (2019: p.65) menyatakan ironi merupakan bahasa sindiran yang diungkapkan dengan menggunakan bahasa yang halus dan bertentangan dengan makna yang sebenar. Sindiran ironi akan bermakna sekiranya manusia yang disindir itu faham apa yang dimaksudkan. Ironi merupakan bahasa yang menggunakan ujaran dengan makna yang tajam. Cara ungkapannya menggunakan bunyi dan kata yang lembut namun dapat memberi kesan terhadap orang yang dituju. Selalunya, bahasa sindiran ironi adalah berlawanan dengan makna yang asal. Menurut Keraf (2007) menerusi Rashid, S. N. M. A., & Yaakob, N. A. (2017: p.108) ironi merupakan rangkaian kata-kata yang terkandung mempunyai makna yang berlainan. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa ini bertujuan membawa kepada makna ejekan. Petikan 2 di bawah menunjukkan bahasa sindiran ironi yang terdapat dalam teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

Maka sembah Nahkoda Bahar, "Adapun sekalian permainan itu semuanya patik alah oleh Tuanku, kerana patik ketahui Tuanku raja yang arif bijaksana serta berani gagah perkara, tambahan pula kesaktian, kerana ayahanda baginda raja negeri kayangan; patik ini apalah hendak menang kerana hamba rakyat Tuanku juga akan **tetapi yang hairan di hati patik seperti nenda yang laki-laki empat orang, nenda yang perempuan tiga orang, habis ditawan oleh Raja Bedurai Putih raja Teluk Tambang Papan dibawahnya pulang ke negerinya; tiadakah Tuaku malu rasanya hendak menyapu arang di muka? Jikalau ada berpadi, berhampalah, jikalau ada berhati adakah bersalah seperti sembah patik ini?**'

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.26-27)

Berdasarkan petikan 2 di atas menunjukkan rasa kagum Nahkoda Bahar terhadap Raja Anggun Cik Tunggal atas kewibawaannya mentadbir negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, Raja Anggun Cik Tunggal mempunyai ciri-ciri seorang raja iaitu bijaksana, berani dan gagah perkasa. Tambahan pula, ayah Raja Anggun Cik Tunggal merupakan seorang yang berketurunan raja dari negeri orang kaya. Oleh yang demikian, seorang rakyat biasa mempunyai peluang yang agak tipis untuk memperjuangkan hak-hak mereka seperti Nahkoda Bahar. Namun begitu, walaupun Raja anggun cik tunggal mempunyai kekuasaan yang hebat dan disegani rakyatnya tetapi masih terdapat kekurangan yang ada pada pentadbirannya yang menyebabkan Nahkoda Bahar secara halus menyindir keturunan mereka kerana negeri yang ditadbir secara mudah ditawan oleh raja dari negeri lain seperti Raja Bedurai Putih. Hal ini menunjukkan peristiwa yang dapat memalukan diri sendiri sebagai Raja yang berwibawa. Jelaslah bahawa apa yang disampaikan oleh Nahkoda Bahar itu mengandungi unsur sindiran ironi yang mana perkataan yang dikeluarkan olehnya mempunyai makna yang tersirat. Ungkapan yang disampaikan itu menggunakan unsur bunyi yang lembut tetapi memberi kesan kepada orang yang mendengar dan yang dituju.

Tegasnya, dapat dilihat bahawa ungkapan bahasa sindiran ironi yang digunakan dalam petikan ini bertepatan dengan teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim dibawah pendekatan fakta sosial yang berkaitan dengan

apa yang difikirkan adalah perkara yang menjadi kebiasaan, adat istiadat, cara hidup umum manusia sebagai sesuatu yang terkandung dalam hukum. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Nahkoda Bahar yang menggunakan bahasa ironi iaitu sindiran secara halus bertujuan untuk mengejek Raja Anggun Cik Tunggal yang dapat memberi kesan yang negatif kepadanya. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa Nahkoda Bahar menggunakan hukum kepada Raja Anggun Cik Tunggal dengan cara mengungkapkan kata-kata sindiran atau ejekan secara halus.

#### **4.1.2.2      Bahasa Sinisme**

RASHID, S. N. B. M. A. (2016: p.19) menyatakan sinisme merupakan suatu sindiran yang berbentuk kesangsian yang mengandungi kata ejekan walaupun diungkapkan dengan penuh keikhlasan atau ketulusan. Sinisme adalah gaya bahasa sindiran yang disampaikan dengan cara yang lebih kasar berbanding ironi. Selain itu, secara kebiasaannya sinisme merupakan gaya bahasa digunakan untuk mencari kesalahan orang lain, mempunyai sifat mengejek dan menyindir. Kepercayaan sinisme dapat memberi kesan kepada orang lain untuk mempercayai ketulusan dan keikhlasan seseorang itu menerusi tingkah-laku dan percakapan yang dilakukan. Hal ini menunjukkan bahawa, menggunakan sindiran sinisme dapat menjadikan seseorang itu menunjukkan sifat yang mementingkan diri yang tidak mengambil kisah tentang perasaan orang lain. Sifat sindiran sinisme dapat dilihat berdasarkan petikan 3 yang terdapat dalam teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* di bawah ini.

Maka sahut Bujang Selamat, "Hai Komander Tehling, akulah yang bernama Bujang Selamat hulubalang yang dikasihi oleh Raja Anggun Cik Tunggal; **apa ada senjata engkau marilah cuba bagi kepada aku; kerana badan aku sangat lenguh lumpuh rasanya**, kerana tiada ditombak tundung keris dan tundung lembing dan tiada berapa sihat anggota aku oleh lama tiada merasa mata pedang dan syamsir serta pula **terlalu dahaga tekak aku lama tiada minum air racun Wilanda itu, berikan aku apa-apa yang ada kepada engkau itu.**"

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.72-72)

Tukang cerita menggambarkan secara terang menerusi sikap Bujang Selamat yang cuba untuk menyindir Komander Tehling secara terang-terangan berkenaan dengan kelemahan yang ada pada dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahawa walaupun pihak lawan tersebut mempunyai strategik dan senjata yang hebat ia tidak dapat mematikan semangat bujang selamat untuk menang dalam peperangan antara mereka berdua. Selain itu, Bujang Selamat kepada pihak musuhnya bahawa walaupun mereka berperang sekalipun tidak akan dapat mencederakan badannya. Penggunaan ayat di dalam petikan di atas menunjukkan bahasa sindiran sinisme secara tidak langsung yang digunakan oleh Bujang Selamat bertujuan untuk mengejek Komander Tehling bahawa dia tidak takut untuk berperang walaupun terdapat banyak rintangan dan cabaran yang mendatang. Bujang selamat mengungkapkan kata-kata kasar yang mempunyai makna yang tersirat yang tajam kepada Komander Tehling sehingga memberi kesan yang sangat mendalam kepadanya.

Sehubungan dengan itu, dapat dilihat *Hikayat Anggun Cik Tunggal* berkaitan dengan teori sosial oleh Emile Durkheim dibawah pendekatan fakta sosial yang memerihalkan berkenaan dengan sosiobudaya masyarakat yang melibatkan apa yang difikirkan adalah perkara yang menjadi kebiasaan, adat istiadat, dan cara hidup umum manusia sebagai sesuatu yang terkandung dalam institusi. Hal ini dapat dilihat menerusi watak yang disebutkan dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* iaitu Bujang Selamat yang mengemukakan percakapan menggunakan bahasa sindiran sinisme dengan Komander Tehling untuk memperdayakan musuh bahawa mereka seorang yang pemberani dan akan mengalahkan musuhnya.

#### 4.1.3 Adat Resam

Musa, P. I. P., Ismail, S. Z., & Rahman, N. A. (2018: p.15) menjelaskan adat merupakan satu amalan manusia yang dapat dilihat berdasarkan perbuatan atau perkataan yang diamalkan secara sukarela mengikut tradisi masing-masing yang diwarisi sejak zaman nenek moyang terdahulu yang tidak pupus sehingga kini. Menurut perundangan Islam, perkataan adat berasal daripada ‘*adah*’ yang bermaksud berulang kali atau “*urf*” yang didefinisikan sebagai perkara yang telah menjadi kebiasaan kepada seseorang itu dalam menjalani kehidupan seharian. Tambahan pula, adat merupakan salah satu perilaku, amalan dan kepercayaan yang sudah menjadi kebiasaan dan pegangan kepada mereka dari dahulu sehingga kini.

Secara umumnya, dalam sesebuah keluarga adat telah menjadi makna kebiasaan namun kebiasaan tersebut telah menjadi satu peraturan hidup yang ditetapkan perlu diikuti oleh mereka. Lantaran itu, terdapat juga hukum untuk kesalahan bagi orang yang ingkar dan tidak mengikuti adat yang telah ditetapkan. Adat bagi orang Islam berbeza dengan masyarakat yang mengamalkan amalan animisme. Masyarakat yang beragama Islam telah diajar untuk berpegang teguh kepada syariat Islam yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini bertentangan dengan amalan animisme yang mempercayai kepada makhluk halus dan alam ghaib seperti roh orang mati, puaka, orang bunian dan sebagainya yang mempunyai kuasa dan jiwa. Sehubungan dengan itu, adat resam ini merupakan amalan dan pantang larang yang diturunkan daripada generasi ke generasi yang lain. Kepelbagaiannya adat resam yang telah menjadi amalan dan kepercayaan bagi masyarakat Melayu dapat dilihat menerusi teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal* iaitu adat perkahwinan, adat beradu, adat kematian, adat santap dan adat sebelum berperang.

#### 4.1.3.1 Adat Perkahwinan

Salleh, N. (2014: p.178-179) mendefinisikan perkahwinan merupakan salah satu elemen yang dapat membentuk sesebuah keluarga. Perkahwinan ini melibatkan pasangan dua jantina yang berbeza jantina iaitu lelaki dan perempuan. Dalam Islam, manusia memang diciptakan untuk berpasangan dalam kehidupan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Bahkan

haiwan dan tumbuh-tumbuhan juga dicipta untuk mempunyai pasangan. Hal ini dikatakan demikian kerana, Allah telah memberi jalan kepada makhluknya untuk berkembang membiak dan melestarikan hidupnya. Menurut pandangan ahli sosiologi Barat iaitu Linton (1976: p.173) menyatakan perkahwinan “.....marriage is Adat Perkahwinan socially recognized union between persons of opposite sex. Marriage and family are really distinct institutions and must be considered separately”. Berdasarkan kenyataan yang diberikan mendefinisikan bahawa perkahwinan adalah menyatukan antara dua manusia yang berlainan jantina. Hal ini dapat mewujudkan hubungan antara suami-isteri menerusi ikatan yang sah.

Dalam adat masyarakat Melayu, perkahwinan merupakan undang-undang atau proses dalam membentuk keluarga yang saling menerima antara satu sama lain. Dengan adanya perkahwinan ini, dapat memberi kebahagiaan dan ketenangan, dapat melepaskan keinginan syahwat dan dapat membina dan mengembangkan masyarakat. Dalam dunia ini, terdapat pelbagai masyarakat seperti masyarakat Melayu, India, China dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, setiap masyarakat ini mempunyai adat yang berlainan termasuklah adat perkahwinan. Menurut Abdullah, C. Z., Yahya, Z., Salleh, F., & Alias, B. (2015: p.625) kebiasaan adat perkahwinan masyarakat Melayu adalah merisik, meminang, bertunang, majlis akad nikah, bersanding dan walimatul urus atau majlis perkahwinan. Namun begitu, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada adat meminang sahaja yang terdapat dalam teks *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

#### 4.1.3.1.1 Adat Meminang

Adat meminang merupakan tahap awal dalam perkahwinan antara teruna dan dara yang mewakilkan diri mereka dengan pertemuan kedua belah pihak keluarga. Adat ini bertujuan untuk memastikan gadis tersebut masih belum kepunyaan orang. Hal ini kerana, dalam Islam dilarang untuk meminang gadis yang merupakan tunangan orang lain. Selain itu juga, meminang ini merupakan salah satu proses untuk mengenal antara satu sama lain dengan menyelidik latar belakang gadis itu secara lebih terperinci. Merisik ini dilakukan mengikut tertib dan kesopanan demi menjaga hak kedua belah pihak. Terdapat beberapa kriteria yang menjadi tumpuan dalam merisik seperti paras rupa, sopan-santun, agama, pendidikan dan sebagainya. Adat meminang dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah.

Hatta, maka tiada berapa antara lamanya Tuan Puteri Gondan Genta Permai pun genaplah umurnya dua belas tahun. Maka datanglah seorang **raja dari kayangan bernama Si Tompok Alam, iaitu negeri Payung Sekaki meminang Tuan Puteri itu** lalu dikahwinkan oleh Datuk Orang Kaya Besar seperti adat raja-raja berkahwin.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.12-13)

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan situasi adat meminang yang merupakan proses pertama dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu. Secara kebiasaannya, apabila seseorang itu sudah cukup umurnya untuk

berkahwin maka keluarganya akan mengizinkannya untuk membina sebuah keluarga. Dalam adat meminang seseorang lelaki harus mempunyai niat terlebih dahulu dengan wanita yang ingin dikahwininya. Setelah itu, hasrat itu akan disampaikan melalui wakil keluarga yang dikirimkan oleh pihak lelaki untuk membuat perbincangan antara kedua-dua belah pihak samada setuju ataupun sebaliknya. Dalam Islam juga menggesa untuk melakukan proses meminang ini untuk mengenali dengan lebih dekat antara satu sama lain. Hal ini dapat dibuktikan menerusi Hadis daripada Abu Hurairah RA berkata, *sabda Rasulullah SAW kepada seorang lelaki yang hendak berkahwin dengan seorang perempuan: Adakah kamu telah melihatnya? Jawabnya tidak (kata lelaki itu kepada Rasulullah). Pergilah melihatnya supaya perkahwinan kamu terjamin berkekalan.”* (HR Tarmizi). Dapat dilihat menerusi hadis ini, Rasulullah SAW menyuruh masyarakat Melayu terutamanya yang beragama Islam untuk mengenali dan melihat terlebih dahulu pasangan yang hendak kita kahwini seperti melakukan proses meminang supaya perkahwinan tersebut lebih terjamin.

Rentetan daripada itu, adat meminang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* bertunjangkan kepada pendekatan fakta sosial berdasarkan teori sosial oleh Emile Durkheim. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan fakta sosial ini berfungsi sebagai pendekatan yang memperlihatkan individu itu harus melaksanakan kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkan sebagai adat bagi sesuatu masyarakat yang telah menjadikannya perkara yang sudah menjadi kebiasaan. Hal ini dapat dilihat menerusi watak yang ditonjolkan oleh raja Si Tompok Alam yang

mengamalkan adat meminang Tuan Puteri yang telah menjadi adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sebelum masuk ke fasa perkahwinan. Dalam konteks ini jelas, membuktikan adat meminang ini dapat memberi impak yang positif kepada individu tersebut dalam memilih pasangan yang sesuai untuk menjamin keharmonian dalam membina rumah tangga.

#### **4.1.3.2 Adat Raja Beradu**

Beradu didefinisikan sebagai tidur. Tidur merupakan salah satu perkara yang dilakukan oleh manusia untuk merehatkan badan mereka secara semula jadi selepas seharian bekerja. Manusia mempunyai masa yang berbeza dalam sehari seperti pagi untuk bekerja malam untuk berehat. Selain itu, tidur adalah keadaan yang merehatkan badan yang dialami oleh semua kehidupan. Tidur adalah suatu perbuatan yang dilakukan secara tidak sedar dengan mata yang terpejam. Lantaran itu, ia merupakan proses yang sangat penting untuk memberikan kesihatan yang baik untuk tubuh badan manusia dan juga semua hidupan yang ada dalam dunia ini .Penggunaan perkataan “beradu” adalah merupakan istilah yang digunakan oleh golongan-golongan istana. Adat ini sudah lama menjadi pegangan dan amalan mereka seperti mana yang terdapat dapat petikan di atas.

Sebermula, maka tersebutlah Raja Bedurai Putih, peperangan itu sudah lima belas hari dan lima belas malam sekalian hulubalang, panglima, adi johan, pahlawan, rakyat tenteranya dibunuh oleh Raja Anggun Cik Tunggal dengan Bujang Selamat; maka tiadalah Raja Bedurai Putih sedar lagi

kerana ia beradu enam bulan, kerana **adatnya raja itu dua belas bulan beradu dan dua belas bulan jaga**; kepada masa itu ia beradu lagi di dalam kamar tempat peraduannya ditunggui oleh dayang-dayangnya, biti perwara, sida-sida bentara sekalian memegang jawatan perkakasan kerajaan cukup kelengkapan itu.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.77)

Menerusi kisah yang terpancar dalam petikan cerita di atas mengenai sikap Raja Bedurai Putih yang patuh dengan peraturan adat yang ditetapkan oleh masyarakat Melayu bagi golongan istana bahawa seorang raja perlu tidur dan berjaga mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Sikap Raja yang mematuhi adat dan peraturan dapat membuka mata rakyat atau masyarakat supaya mereka mencontohi sikap yang ditunjukkan oleh pemimpin mereka. Hal ini dapat mengajar rakyat untuk bersikap sedemikian dan menjadi teladan yang perlu diterapkan dalam kehidupan seharian mereka. Setiap peraturan dan adat yang dilaksanakan dalam sesbuah negara adalah untuk membentuk seseorang individu mendisiplinkan diri mereka dan menjadikan mereka patuh segala arahan yang diberikan. Dalam konteks ini, dapat membuktikan bahawa kelakuan yang dilakukan oleh seorang pemimpin akan selaras dengan kelakuan yang akan dilakukan oleh rakyat di bawah naungannya kerana ia bergantung kepada cara seorang pemimpin itu mentadbir negara.

Menerusi kenyataan oleh Emile Durkheim yang menyatakan menerusi pendekatan fakta sosial bahawa terdapat individu itu harus tetap melaksanakan kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkan menurut kepada bahasa, adat

istiadat, kebiasaan dan hukum masyarakatnya di mana ia merupakan “fakta sosial” yang bukan diciptakan olehnya dan terpaksa untuk menyesuaikan dirinya dengan perkara tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi watak raja yang perlu mematuhi arahan dan adat yang telah ditetapkan untuknya sehingga perkara tersebut akan menjadi kebiasaan baginya.

#### 4.1.3.3 Adat Bersantap

Santap merupakan perkataan yang digunakan oleh golongan istana. Santap menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015: p.1389) makan dan minum secara beradat. Ia sering digunakan oleh Seri Paduka untuk bersantap bersama dengan pegawai-pegawai tinggi. Selain itu, makan merupakan zat yang diperlukan oleh manusia dan juga semua kehidupan. Makan ini adalah bertujuan untuk memberikan tenaga dan proses untuk tumbesaran bagi setiap genetik yang ada di dunia ini. Proses makan adalah berbeza antara manusia dengan spesies yang lain. Hal ini kerana manusia sudah diajar untuk makan dengan menggunakan mulut, mengunyah dan menelan. Secara kebiasaanya, manusia akan makan makanan yang berkhasiat untuk mencegah tubuh badan daripada penyakit. Antaranya seperti nasi, roti, sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain. Adat santap mengikut adat golongan istana dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Seketika beradu hari pun sianglah. Maka Raja Anggun Cik Tunggal pun segeralah bangun lalu bersiram diiringkan oleh kundangnya, lepas bersiram kembali ke istana **santap nasi: Santaplah beradat, Dua suap ketiga sudah, Keempat**

**basuh tangan, Kelima kumur-kumur, Keenam makan sirih,  
Kelat jatuh ke rongkongan, Seri naik ke peroman.**

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.37)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat Raja Anggun Cik Tunggal makan secara penuh kesopanan. Hal ini kerana, secara kebiasaanya golongan istana menerapkan santap beradab dalam kehidupan sehari-hari mereka terutamanya dalam majlis kebesaran. Santap beradab merupakan makan secara beradab dan bukan sekadar untuk mengenyangkan perut. Raja Anggun Cik Tunggal mengamalkan santap nasi secara beradab menerusi makanan yang telah dihidang oleh orang bawahannya. Beliau makan secara sopan dengan mengenakan dua tiga suapan. Adat santap yang telah dikemukakan oleh pengarang ialah menuap nasi dengan penuh tarta-tertib semasa makan dan menuap nasi mestilah menggunakan tangan kanan. Setelah itu, ambil lauk secara dengan sopan dan kunyah secara perlahan. Sehubungan dengan itu, selepas makan barulah basuh tangan dan berkumur. Kemudian, Raja Anggun Cik Tunggal akan menikmati juadah makan sirih secara beradab sebagai penganagan yang manis agar wajah akan kelihatan berseri-seri. Adat makan sirih merupakan salah satu adat yang telah menjadi kebiasaan bagi masyarakat Melayu pada zaman itu.

Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa makan secara sopan bertepatan dengan teori sosial oleh Emile Durkheim yang menyatakan ia harus melaksanakan kewajipan-kewajipan menurut bahasa, adat istiadat, kebiasaan

dan hukum masyarakatnya dimana kesemuanya sudah terkandung dalam fakta sosial yang perlu diikuti. Menerusi makan atau bersantap secara beradat yang telah dilakukan oleh Raja Anggun Cik Tunggal adalah merupakan adat yang telah ditetapkan bagi golongan istana. Hal ini kerana, mereka mengamalkan sikap sopan santun dan tata-tertib dalam kehidupan mereka walaupun semasa makan. Ini menunjukkan adat bersantap ini merupakan sosiobudaya masyarakat Melayu dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

#### 4.1.3.4 Adat Kematian

Amini A.A. (2014: p.2) didefinisikan bahawa mati adalah pengakhiran hidup manusia di muka bumi ini dan roh manusia ini akan menjalani proses pemindahan ke alam barzakh serta alam baqa. Mati ialah merupakan proses perpisahan roh dan jasad ke alam realiti yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Setiap manusia akan merasa kematian apabila tiba masanya yang dinamakan sebagai ajal mubram. Selain itu, ajal mu'allaq merupakan masa kematian yang boleh berubah daripada masa ke masa yang lain. Mati adalah pengakhiran hidup manusia di dunia sementara dan akhirat selamanya. Dengan adanya, kematian ini dapat memberi iktibar kepada setiap manusia supaya memperbanyakkan lagi amalan ibadat dan membuat persediaan untuk bertemu dengan Allah dan bekalan di akhirat kelak. Adat kematian ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah.

Hatta, maka seketika lagi datanglah **isteri Datuk itu mencurahkan air mawar**. Maka Datuk Orang Kaya Besar pun baharulah sedar akan dirinya lalulah bangun serta bermesyuarat dengan sekalian raja-raja dan orang besar-besar, rakyat tentera sekaliannya hendak memakamkan Tuan Puteri itu. Setelah putus mesyuarat itu, maka sekaliannya **bersiaplah akan alatan sebagaimana adat raja-raja yang besar, lalulah jenazah Tuan Puteri itu dimakamkan dengan selamatnya**. Maka lepas itu **masing-masing berkenduri arwah sampai cukup harinya genap seratus hari**.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.18)

Berpandukan petikan di atas, dapat dilihat bahawa rasa hormat masyarakat Melayu yang beragama Islam terhadap si mati. Bagi orang yang masih hidup yang beragama Islam diwajibkan untuk melakukan empat perkara yang difardhukan untuk si mati iaitu memandikan jenazah, mengkafarkan jenazah, solat jenazah dan mengebumikan jenazah. Perbuatan mencurahkan air mawar seperti yang dilakukan oleh isteri Datuk Orang Kaya Besar merupakan salah satu amalan dan adat masyarakat dahulu kala kepada si mati dan ia tidak diwajibkan bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam. Air yang disiram di atas kubur si mati adalah sebagai penghormatan si mati mengikut kepadat adat dan kepercayaan masyarakat terdahulu. Penghormatan kepada si mati dapat dilihat dengan melakukan kenduri arwah selama seratus hari seperti mana yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu yang beragama Islam. Secara kebiasaan, kenduri arwah dilakukan untuk mendoakan kesejahteraan si mati yang berada dalam alam barzakh.

Rentatan daripada itu, adat kematian ini bertepatan dengan teori sosial oleh Emile Durkheim menerusi pendekatan fakta sosial yang berkaitan dengan setiap individu harus tetap melaksanakan kewajipan-kewajipan menurut bahasa, adat istiadat, kebiasaan dan hukum masyarakatnya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan watak Datuk Orang Kaya Besar, raja-raja, orang besar-besar dan isterinya yang menghormati si mati dengan melakukan adat kematian sepetimana yang telah ditetapkan oleh ajaran Islam dan adat masyarakat Melayu dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

#### 4.1.3.5 Adat Menyembah Menjunjung Duli

Menjunjung duli menurut *Kamus Edisi Keempat* (2015: p.643) ialah menyembah atau bersujud kepada raja. Hal ini dilakukan sebagai cara penghormatan istiadat masyarakat Melayu pada zaman dahulu menghormati orang yang lebih tua dan orang yang mempunyai pangkat besar seperti raja, pembesar, laksamana dan sebagainya. Amalan menjunjung duli ini merupakan adat yang digunakan oleh golongan istana sebelum memulakan percakapan sesama mereka. Selain itu, menjunjung duli adalah dengan melakukan tunduk hormat dan mengangkat kadam jari sepuluh terjunjung di atas kepala. Adat menyembah menjunjung duli ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah.

Maka Raja Anggun Cik Tunggal pun duduklah hampir dengan nenda bagindanya itu seraya menyembah menjunjung duli: Terangkat kadam jari sepuluh, Kuncup bagi salur bakung, Jari seperti susun sirih; Maka ia pun mendatangkan sembah, "Ampun nenda beribu-ribu ampun, sembah cunda harapkan diampun, apakah hal cunda ini sekarang: Besar di bawah tebu berlingkar, Besar di bawah pisang goyangan.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016:p.19)

Berpandukan petikan di atas dapat dilihat Raja Anggun Cik Tunggal menghormati orang yang lebih tua dan berpangkat darinya. Hal ini dikatakan kerana, hormat adalah salah cara kita merendahkan diri kita kepada orang yang berpangkat atau yang lebih banyak pengalamannya. Dapat dilihat cara hormat bagi golongan istana yang dilakukan oleh Raja Anggun Cik Tunggal dengan menyembah menjunjung duli neneknya dengan mengangkat kadam jari sepuluh terjunjung di atas kepada sebagai tanda menghormati neneknya. Adat yang dilakukan oleh Raja Anggun Cik Tunggal merupakan adat yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Hal ini kerana adat menyembah menjunjung duli merupakan adat istiadat yang perlu dilakukan bagi golongan istana. Sehubungan dengan itu, adat yang dipaparkan ini adalah adat masyarakat Melayu tradisional suku Minangkabau yang berpegang kepada adat perpatih. Adat ini telah termaktub sebagai peraturan yang dilakukan dalam istana. Setiap masyarakat perlu mengikuti segala peraturan adat istiadat yang telah ditetapkan.

Oleh hal yang demikian, adat menyembah menjunjung duli bertunjangkan pendekatan fakta sosial berdasarkan teori sosial oleh Emile Durkheim yang memerihalkan bahawa seorang individu harus tetap melaksanakan kewajipan-kewajipan menurut bahasa, adat istiadat, kebiasaan dan hukum masyarakat dimana kesemuanya itu merupakan “fakta-fakta sosial” yang tidak diciptakan olehnya namun perlu menjalankan dengan “fakta-fakta sosial” tersebut. Hal ini dapat dilihat berdasarkan watak yang ditonjolkan oleh Raja Anggun Cik Tunggal yang melakukan sembah menjunjung duli mengikut adat-adat raja yang mengamalkan sejak dahulu lagi.

#### **4.1.4 Pantang Larang**

Pantang larang merupakan alat yang digunakan bagi tujuan menegur dan menasihati seseorang itu tanpa menggunakan percakapan. Ia diwujudkan sebagai garis panduan kepada masyarakat yang dapat melahirkan seseorang yang berdisiplin tanpa perlu melanggar adat yang telah ditetapkan mengikut kepada kepercayaan masing-masing. Selain itu, pantang larang Omar, A. H. (2014: p.77) merupakan adat atau budaya yang diamalkan oleh masyarakat yang mempercayainya dan bukan daripada agama. Ia merupakan ciptaan manusia sendiri mengikut kepada kepercayaan mereka terhadap sesuatu perkara tersebut. Selain itu, pantang larang adalah perkara yang dicegah atau dilarang untuk melakukannya. Jika seseorang itu didapati melanggar pantang larang tersebut maka akan berlaku perkara yang buruk. Pantang larang secara kebiasaanya merupakan peraturan yang telah ditulis bagi sesuatu

budaya itu bagi mengelakkan sesuatu yang tidak diingini berlaku dalam kehidupan.

#### 4.1.4.1 Peraturan

Peraturan didefinisikan sebagai perkara yang telah ditentukan dan harus diikuti dan dipatuhi. Secara umumnya, peraturan ini dibuat oleh pihak pemerintah atau pihak yang berkuasa supaya masyarakatnya hidup secara aman dan damai. Selain itu, peraturan ini dapat memberi kesan yang positif dalam diri dengan adanya panduan yang perlu diikuti secara tersusun dan sistematik. Setiap peraturan ini dapat menjadikan kehidupan masyarakat lebih teratur. Bagi mereka yang melanggar peraturan ini akan dikenakan hukuman setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Peraturan ini adalah satu perintah seseorang kepada orang lain untuk mencegah daripada berlaku perkara yang buruk. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

##### 4.1.4.1.1 Memakai Pakaian Musuh

Penyamaran dengan menggunakan pakaian merupakan salah satu strategik yang digunakan ketika berperang. Hal ini kerana, dengan memakai pakaian tersebut dapat mengelirukan pihak musuh seperti memakai pakaian seragam dan sebagainya. Strategik ini adalah merupakan suatu helah atau tipu daya untuk mengalahkan musuh. Secara kebiasaan, strategik ini dihasilkan oleh

manusia itu sendiri dalam peperangan. Namun begitu, terdapat larangan memakai pakaian musuh iaitu pihak sendiri perlu mengambil perhatian ketika strategik ini dilakukan untuk mengelakkan berlaku peperangan sesama sendiri sepetimana yang terdapat pada petikan dalam cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal* dibawah.

Tuanku silakanlah mengamuk; janganlah kita bercampur gaul; tetapi jikalau sekiranya Tuanku menang, **jangan dipakai pakaian haram, jangan diambil kopiah larangan, jangan berduduk di atas kerusi**; kerana patik tiada kenal; jikalau Tuanku pakai seperti yang demikian itu, tentulah kita berperang sama sendiri pula; apalah jadinya.”

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.70)

Berpandukan petikan di atas, dapat dilihat bahawa Bujang Selamat sedang menasihatnya rajanya iaitu Raja Anggun Cik Tunggal supaya jangan memakai pakaian musuh. Seperti yang kita ketahui, jika kita memakai pakaian musuh pada waktu dan tempat yang tidak sesuai akan menimbulkan perkara yang tidak diingini. Hal ini kerana, pihak sendiri tidak dapat mengenali sesama mereka semasa berperang. Oleh itu, kita seharusnya mendengar arahan yang diberikan supaya tidak mencetuskan perkara yang buruk. Namun begitu, Raja Anggun Cik Tunggal tidak mendengar arahan dan peraturan yang disampaikan oleh Bujang Selamat sehingga beliau hampir ditikam oleh Bujang Selamat sendiri. Hal ini dapat dilihat bahawa arahan dan peraturan ini bukan sekadar peraturan malah ia adalah untuk peringatan supaya mengambil langkah berjaga-jaga untuk menghindari perkara yang tidak

sepatutnya berlaku sepetimana yang dilakukan oleh Raja Anggun Cik Tunggal yang melanggar peraturan Bujang Selamat.

Dalam konteks ini, bertepatan dengan teori sosial dibawah pendekatan fakta sosial oleh Emile Durkheim yang menyatakan bahawa apa yang difikirkan adalah kebiasaan, adat istiadat dan cara hidup umum manusia sebagai sesuatu yang terkandung dalam institusi, hukum, moral dan ideologi-ideologi politik. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Raja Anggun Cik Tunggal yang tidak mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh Bujang Selamat yang dapat dijadikan sebagai pengajaran bagi masyarakat lain supaya mematuhi arahan pemimpin kerana mereka mempunyai pemikiran yang jauh yang dapat mengetahui kesan yang akan berlaku jika melakukan perkara yang sedemikian.

#### **4.1.5 Struktur Sosial Masyarakat atau Kelas Sosial**

Struktur sosial masyarakat atau nama lainnya ialah kelas sosial merupakan susun lapis masyarakat yang membezakan antara mereka mengikut kelas-kelas yang telah termaktub dalam sistem pemerintahan. Menurut pandangan Max Weber menyatakan bahawa stratifikasi sosial adalah sebagai golongan orang-orang yang berkaitan dalam sistem sosial tertentu yang terbentuk menerusi lapisan-lapisan hierarki. Antara lapisan-lapisan hierarki yang dapat dilihat berdasarkan dimensi kekuasaan, hak istimewa dan kedudukan bagi

setiap masyarakat. Selain itu, struktur sosial masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan sistem hierarki yang diketuai oleh golongan raja atau sultan, golongan kedua ialah golongan bangsawan, golongan ketiga ialah golongan pembesar negeri atau daerah, keempat golongan rakyat merdeka dan akhir sekali golongan hamba. dibahagikan kepada dua kelas iaitu kelas atasan yang dikenali sebagai golongan pemerintah. Manakala, kelas bawahan dikenali sebagai golongan diperintah.

Masyarakat Melayu tradisional dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan memerintah dan golongan diperintah. Golongan pemerintah terdiri daripada golongan raja dan kerabat diraja seperti permaisuri, putera, puteri, adik-beradik , ibu-bapa dan ahli keluarga, golongan bangsawan, golongan pembesar , pentadbir serta para ulama. Selain itu, golongan diperintah pula terdiri daripada orang merdeka dan hamba. Raja merupakan pemerintah yang tertinggi dan mempunyai kuasa mutlak dalam sistem pemerintahan. Raja bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan keselamatan rakyat di bawah naungannya. Dalam sistem pemerintahan ini menggunakan konsep daulat dan derhaka bagi sesiapa sahaja yang mengingkari dan tidak mematuhi perintah yang telah ditetapkan. Seterusnya, keluarga dan kerabat diraja merupakan golongan kedua selepas raja. Golongan ini merupakan golongan yang akan dilantik secara langsung setelah raja mangkat. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah.

#### 4.1.5.1 Kedudukan Tahta

Kedudukan tahta selalunya tidak mempunyai susur garis khas bagi pewarisan tahta. Sekiranya berlaku kekosongan tahta disebabkan oleh kematian, ketidakupayaan atau perletakkan jawatan maka akan ada pengganti atau pewaris yang akan mengisi kekosongan tersebut. Kedudukan tahta ini adalah merujuk kepada suruhan atau keputusan golongan pemerintah yang berkuasa mutlak dalam sistem sosial. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Maka tuan puteri yang kedua itu pun **ditabalkan oleh Datuk Orang Kaya Besar dengan kesukaan tentera mana-mana yang ada tinggal lagi itu akan ganti ayahanda bondanya**. Akan tetapi Datuk Orang Kaya Besar yang memangku kerajaan itu memerintah negeri Tiku Pariaman, tiadalah diubah adat lembaga seperti zaman purbakala.

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.12)

Petikan di atas telah menggumukkan berkenaan dengan kedudukan tahta yang diperintah oleh golongan pemerintah iaitu Datuk Orang Kaya Besar yang melantik tuan puteri dengan bersaksikan tentera-tentara yang sedia ada. Pelantikan ini dilantik secara langsung setelah kewafatan ayah bonda tuan puteri disebabkan oleh peperangan. Perkara ini telah diperintahkan oleh Datuk Orang Kaya Besar kerana beliau merupakan golongan tertinggi yang mempunyai kuasa mutlak dalam sistem sosial bagi masyarakat Melayu pada masa itu. Walaupun, tuan puteri ditabalkan sebagai pengganti kepada ayah bondanya namun Datuk Orang Kaya Besar tetap menjadi orang pemegang

tahta bagi negeri Tiku Pariaman seperti yang telah termaktub dalam adat lembaga zaman dahulu. Hal ini kerana, secara kebiasaan pemerintahan Masyarakat Melayu perlu diperintah oleh orang lelaki kerana mereka lebih bertanggungjawab dalam sistem pemerintah.

Hal ini bertepatan dengan teori sosial oleh Emile Durkheim dengan pendekatan fakta sosial yang memerihalkan berkenaan dengan kedudukan tahta yang menyatakan bahawa apa yang fikirkan adalah perkara yang telah menjadi kebiasaan, adat istiadat dan cara hidup umum manusia sebagai sesuatu perkara yang terkandung dalam institusi, hukum, moral dan ideologi-ideologi politik. Perkara ini dapat dilihat menerusi watak Datuk Orang Kaya Besar melantik Tuan Puteri sebagai pengganti ayah dan ibunya secara langsung mengikut kepada adat yang telah ditabalkan dalam adat istiadat bagi golongan istana.

## 4.2 Fungsi-fungsi Sosiobudaya

### 4.2.1 Keharmonian Hidup

Keharmonian merupakan satu elemen yang penting dalam kehidupan manusia sejagat dengan menerapkan keamanan, keadilan, kasih sayang, bertolak-ansur dan sebagainya. Kewujudan ini dapat menjadikan sesebuah keluarga dan hubungan sesama manusia akan memberi kehidupan yang sejahtera dan bahagia. Haji, D. H. N. H. B., & Kaseh, N. menyatakan harmoni

ialah selaras, sesuai dan sepadan. Ia juga sinonim dengan maksud persetujuan pendapat, persesuaian dan keselarasan. Keharmonian pula bermaksud keadaan harmoni yang dapat mewujudkan keharmonian dalam perhubungan sesama manusia, negara, dalam rumah tangga, persekitaran dan lain-lain. Hal ini dapat dilihat menerusi dengan cara bekerjasama, hormat-menghormati, berkasih-sayang, belas kasihan dan kemesraan tanpa mengira kepada pangkat dan darjat seseorang itu. Keharmonian ini dapat dikemukakan berdasarkan petikan di bawah yang terdapat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*.

Hatta, sudah berkata-kata itu, maka hidangan pun diangkat oranglah, maka Raja Laksamana pun santaplah dua orang sehidangan dengan Datuk Orang Kaya Besar, dan sekalian raja-raja, menteri, hulubalang, rakyat tentera makanlah masing-masing dengan tarafnya. **Maka di dalam istana pun demikianlah juga, Tuan Puteri Lindungan Bulan lalu santap dengan Tuan Puteri Gondan Gentan Sari dua orang sehidangan. Maka inang pengasuh sekalian dayang-dayang makanlah masing-masing dengan tarafnya.**

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.35)

Petikan di atas menunjukkan rasa hormat golongan atasan terhadap golongan bawahan walaupun berlainan tarafnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat kita ketahui golongan atasan selalu menjaga kedudukannya untuk tidak berkawan dan tidak bercampur-gaul dengan orang yang lebih rendah tarafnya. Hal ini kerana dapat menjatuhkan imejnya sebagai golongan yang bertaraf tinggi. Antara golongan atasan dalam petikan dapat dilihat seperti Raja

Laksamana, Datuk Orang Kaya Besar, raja-raja, menteri, hulubalang, Tuan Puteri Lindungan Bulan dan Tuan Puteri Gondan Gentan Sari manakala golongan bawahan seperti rakyat tentera, inang pengasuh dan dayang-dayang. Walaupun berlainan tarafnya, masyarakat Melayu berdasarkan petikan di atas memerihalkan makan bersantap beramai-ramai untuk mengeratkan hubungan sesama manusia dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni dalam kehidupan melalui hubungan manusia secara bersama. Dengan adanya suasana keharmonian ini dapat mengelakkan berlakunya permusuhan dan perbalahan antara masyarakat dan pemerintah.

Secara rumusannya, membuktikan keharmonian hidup ini bertepatan dengan teori sosial oleh Emile Durkheim melalui pendekatan fakta sosial yang mengemukakan berkaitan dengan sosiobudaya masyarakat yang terdapat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Hal ini dibuktikan menerusi gambaran dalam petikan yang menunjukkan suasana yang berlaku semasa makan antara golongan atasan dan golongan bawahan. Amalan makan bersama memerihalkan suasana yang harmoni antara kedua belah pihak walaupun berlainan taraf. Dengan adanya suasana sebegini dapat menjadikan sesebuah negara aman dan damai.

#### 4.2.2 Pengajaran Moral

Pengajaran moral ialah satu bentuk teladan ataupun nilai yang boleh membawa seseorang individu atau sekelompok masyarakat ke arah

kehidupan yang bergantung kepada hidup mereka sendiri iaitu melalui jalan yang baik atau sebaliknya. Hal ini demikian kerana, selalunya manusia sentiasa melakukan sesuatu sehingga menyebabkan wujudnya pengalaman dan perkara yang memberi nilai kepada diri mereka sendiri. Pengajaran moral sangat penting bagi memastikan masyarakat khususnya masyarakat Melayu berdisiplin dalam menjalani kehidupan pada masa akan datang. Pengajaran moral yang telah ditunjukkan pada kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu dapat mengajar masyarakat kontemporari untuk merubah kesalahan yang berkemungkinan besar berlaku pada zaman dahulu supaya kesalahan tersebut tidak berulang kembali pada zaman kini. Hamidah (2014: p.44) mentafsirkan pengajaran moral merupakan elemen yang penting yang dapat membentuk seseorang individu itu samada berkelakuan baik atau buruk. Hal ini dapat dilihat menerusi sifat manusia itu sendiri. Hal ini kerana, sifat seseorang itu bergantung kepada perilaku dan tindak balas mereka dalam melakukan sesuatu yang dapat menimbulkan sifat samada baik atau buruk. Pengajaran moral ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik harapkan diampun, maka adalah hal paduka anakanda sudah menjadi angka putih itu, kepada fikiran patik silakanlah tuanku panggil ah lum nujum minta lihatkan daripada mana datang bencana itu yang boleh jadi yang seperti yang demikian ini, dan lagi pula sepatutnya duli Tuanku minta lihatkan paduka anakanda Raja Tunggal Junjungan itu sudahkah ia mangkat atau tidak, kerana sangatlah tiada sedap rasa hati patik melihatkan alamatnya yang telah nyata paduka anakanda menjadi ungka ini, oleh sebab mungkir perjanjian dengan anakanda Raja Tunggal Junjungan itu kerana **perjanjian dahulu patik dengar jikalau mungkin anakanda yang laki-laki menjadi siamang dan jikalau pula anakanda yang perempuan menjadi ungka; sekarang paduka yang perempuan itu mungkirkan janji, kerana sudah Tuanku kahwinkan dengan Nahkoda Bahar itu.**

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016: p.97)

Berpandukan petikan di atas dapat dilihat bahawa perbualan antara Si Kembang Cina dengan Raja Laksamana yang menyatakan bahawa Tuan Puteri Gonda Gandariah menjadi siamang disebabkan oleh dia telah mungkir janji dengan Raja Anggun Cik Tunggal. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tuan Puteri Gonda Gandariah dengan Raja Cik Tunggal ada membuat satu perjanjian di mana jika mereka berdua ingkar dengan perjanjian itu akan berubah menjadi haiwan. Setiap perjanjian yang diungkapkan perlu ditepati samada perkara itu secara sengaja ataupun tidak sengaja. Justeru itu, kita sebagai manusia harus tepati janji supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini sepetimana yang telah berlaku pada Tuan Puteri Gonda Gandariah.

Lantaran itu, hal ini bertunjangkan kepada teori sosial iaitu pendekatan fakta sosial yang memerihalkan berkenaan tentang fikiran yang telah menjadi kebiasaan, adat istiadat dan cara hidup umum manusia sebagai sesuatu yang terkandung dalam institusi, hukum, moral dan ideologi-ideologi politik. Unsur moral menerusi watak Tuan Puteri Gondan Gandariah dan Raja Anggun Cik Tunggal yang melakukan perjanjian namun masing-masing mungkir janji menyebabkan mereka mendapat balasannya.

#### 4.2.3 Lambang Kepada Suatu Kaum

Lambang ini merujuk kepada kepribadian seseorang individu itu samada dari segi budaya, kepercayaan, adat dan sebagainya yang dapat membezakan dengan kaum yang lain. Setiap individu mempunyai pegangan dan kepercayaan masing-masing. Salleh, N. (2014: p.181) antara lambang yang dapat dilihat seperti keris, adat, makanan seperti sirih peminang, bunyian, bau-bauan dan sebagainya. Oleh itu, lambang ini dapat menjadikan sesuatu perkara yang berbeza daripada yang lain. Hal ini dapat menimbulkan keunikian dan dapat menarik perhatian masyarakat kaum lain untuk mengetahui mengenai budaya setiap kaum itu. Lambang kepada suatu kaum dalam dilihat menerusi petikan di bawah.

Maka Tuan Puteri Lindungan Bulan pun membawa Tuan Puteri Gondan Genta Sari diiringkan oleh inang pengasuh, dayang-dayang, biti perwara sekaliannya ke dalam rungseri hendak melihat Datuk Orang Kaya Besar **menyembahkan bekas sirih peminang itu, mengikut sebagaimana adat raja-raja daripada zaman dahulukala.**

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016 p.32)

Dalam konteks ini, dapat dilihat sirih peminang sebagai lambang kepada kaum masyarakat Melayu. Hal ini kerana, sirih peminang merupakan makanan tradisi masyarakat Melayu terdahulu terutamanya golongan istana.

Sirih peminang ini sangat disukai dan diminati orang istana kerana ia merupakan salah satu adat mereka dan pada masa yang sama dapat memberi manfaat. Bagi masyarakat Melayu sirih peminang ini dapat menaikkan seri wajah, dapat dijadikan sebagai ubat kerana bahan-bahan sirih peminang ini menggunakan bahan semulajadi seperti daun, gambir, kapur, pinang, tembakau dan cengkih. Sirih peminang ini mempunyai maksud yang tertentu menerusi perlakuan kerana mempunyai maksud yang tersendiri. Secara kebiasaanya, sirih peminang ini digunakan dalam upacara perkahwinan, pertabalan sultan dan sebagainya. Dengan ini dapat dilihat, sirih peminang ini merupakan lambang kepada masyarakat Melayu yang tidak ada pada kaum yang lain.

Hal ini bertepatan dengan teori sosial yang dikemukakan oleh Emile Durkheim melalui pendekatan fakta sosial yang menyatakan bahawa setiap apa yang difikirkan adalah perkara yang sudah menjadi kebiasaan, adat istiadat dan cara hidup manusia yang umum sebagai yang terkandung dalam institusi, hukum, moral dan ideologi-ideologi politik. Dapat dilihat bahawa sirih peminang itu adalah makanan adat bagi tradisi masyarakat Melayu yang sudah lama dijadikan satu amalan dalam kehidupan seharian mereka.

#### 4.2.4 Penghormatan

Penghormatan merupakan salah satu perilaku yang menghormati orang yang lebih tua atau berpangkat seperti ayah, ibu, abang, kakak, nenek, atuk,

pemerintah dan sebagainya. Terdapat cara penghormatan yang dilihat iaitu menerusi percakapan, tingkah-laku, ekspresi muka dan nada suara. Penghormatan ini adalah sebagai suatu tindak balas antara seorang individu kepada individu yang lain samada dengan cara menundukkan kepala, menyembah, bercakap dengan sopan dan lain-lain. Setiap perbuatan itu dilakukan secara luaran yang dapat memberi kesan yang positif kepada orang yang melihatnya. Petikan di bawah menunjukkan penghormatan kepada pemerintah atau orang yang lebih tinggi pangkatnya.

Maka Perdana Menteri itu pun bangkit **memberi hormat sebagaimana adatnya kepada Raja Tunggal Junjungan seraya berdatanglah sembah**, "Ampun Tuanku beribu-ribu kali ampun, adalah patik menghadap ini dititahkan oleh paduka ayahanda Tuanku Raja Portugal persilakan Tuanku bercemar duli ke balai penghadapan, paduka ayahanda ada sedia menanti."

(*Hikayat Anggun Cik Tunggal*, 2016 p.105)

Berteraskan petikan di atas menunjukkan kelakuan yang dilakukan oleh Perdana Menteri itu kepada Raja Tunggal Junjungan. Dapat dilihat Perdana Menteri menghormati orang yang lebih berpangkat seperti Raja Tunggal Junjungan dengan melakukan cara menyembah yang sering dilakukan oleh golongan istana. Penyembahan ini dilakukan sebagai tanda bagi orang yang lebih berkuasa dalam pentadbiran. Penghormatan ini merupakan amalan dan adat yang wajib dilakukan oleh semua masyarakat jikalau ingin bercakap kepada raja. Kelakuan yang ditonjolkan oleh Perdana Menteri merupakan

sikap yang patut dijadikan sebagai pengajaran yang dapat dicontohi jika ingin berjumpa dengan raja.

Rentetan daripada itu, bertepatan dengan teori sosial yang dipelopori oleh Emile Durkheim di bawah naungan fakta sosial yang menyatakan bahawa setiap individu haruslah tetap melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dapat dilihat dari segi bahasa, adat istiadat, kebiasaan dan hukum masyarakatnya dimana ia merupakan “fakta sosial”. Penghormatan yang ditonjolkan oleh Perdana Menteri itu kepada Raja Anggun Junjungan dengan menyembahnya menunjukkan rasa hormat dan ia juga merupakan adat istiadat yang wajib dilakukan apabila berada dalam majlis keramaian bersama raja atau golongan di raja.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 5

### CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini adalah bahagian terakhir iaitu kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Dalam bab ini, pengkaji mengemukakan cadangan agar dapat memperbanyak kajian ini dan terus berkembang pada masa yang akan datang. Akhir sekali, pengkaji akan membuat rumusan secara terperinci dan menyeluruh mengenai hasil dapatan kajian yang telah dilakukan.

#### 5.1 Cadangan

Berdasarkan kajian yang dibuat, pengkaji berharap agar kajian ini dapat menjadikan sumber rujukan kepada masyarakat khususnya yang ingin mengkaji berkenaan dengan buku Hikayat. Hal ini kerana, dalam buku Hikayat ini juga banyak mengemukakan berkenaan dengan sosiobudaya masyarakat pada zaman dahulu yang perlu diterokai oleh generasi terkini. Selain itu juga, terdapat banyak elemen-elemen sosiobudaya yang terkandung yang dapat dilihat menerusi adat, kepercayaan, bahasa dan sebagainya yang berkenaan dengan cara hidup masyarakat pada zaman dahulu yang boleh dipelajari dan diterapkan dalam kehidupan masyarakat pada zaman kini. Justeru itu,

sosiobudaya dalam hikayat seperti *Hikayat Anggun Cik Tunggal* perlu dititikberatkan supaya generasi akan datang lebih menghayati cara hidup yang pernah berlaku pada zaman dahulu dan setiap perkara yang positif dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan supaya kajian berkenaan dengan buku Hikayat ini diperbanyakkan lagi menerusi pelbagai aspek yang memerihalkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat. Hal ini kerana dalam buku hikayat banyak memaparkan berkenaan isu-isu yang dapat dijadikan pengajaran kepada kehidupan masyarakat kini. Kebanyakan masyarakat tidak mengetahui bahawa buku Hikayat ini juga mengemukakan maklumat-maklumat yang penting seperti gambaran kehidupan masyarakat, masalah-masalah masyarakat dan kesan yang dapat dijadikan sebagai tauladan dalam mengharungi liku-liku kehidupan. Pengajaran dari masyarakat terdahulu dapat dijadikan pengajaran serta ditelani agar kejadian tersebut tidak berulang kembali pada masa akan datang.

Di samping itu, pengkaji mencadangkan supaya penyelidik seterusnya melakukan kajian berkenaan dengan hikayat yang belum diketahui oleh masyarakat kini seperti *Hikayat Terung Pipit*, *Hikayat Pahang* dan sebagainya. Hal ini kerana, kebanyakan pengkaji hanya memfokuskan kepada hikayat-hikayat yang sudah popular dan sudah diadaptasi ke film seperti *Hikayat Hang Tuah*. Oleh itu, pengkaji menggesa penyelidik yang baru untuk membuat kajian berkenaan dengan hikayat-hikayat yang kurang mendapat

sambutan supaya tidak dilupakan dan tidak pupus ditelan zaman. Sehubungan dengan itu, setiap hikayat-hikayat ini memaparkan kisah yang berbeza yang perlu dikaji dengan lebih terperinci.

Rentetan daripada itu, pengkaji mencadangkan supaya penyelidik baru perlu memperbanyak kajian berkenaan dengan karya-karya sastera terutamanya karya tradisional. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat kurang berminat untuk mengetahui kisah-kisah terdahulu yang dapat menjadi pedoman kepada masyarakat kini. Karya-karya sastera ini mengandungi pelbagai aspek positif yang dapat membentuk perilaku seseorang individu menjadi lebih baik. Kajian berkenaan dengan karya sastera dapat mengajar manusia untuk hidup dalam budaya yang penuh dengan kesopanan, ketertiban, kehormatan, keharmonian, kesejahteraan dan sebagainya. Justeru itu, kajian berkenaan dengan karya-karya sastera dapat memberi faedah dan manfaat yang bernilai kepada masyarakat untuk menjadi manusia yang berguna pada masa yang akan datang.

Akhir sekali, pengkaji mencadangkan kepada penyelidik yang baru untuk melakukan kajian berkenaan dengan sosiobudaya dengan menggunakan teori yang berlainan yang berkaitan dengan cara hidup masyarakat. Hal ini adalah bertujuan agar kajian ini dapat dikembangkan lagi dengan adanya teori yang boleh dikaitkan dengan sosiobudaya selain daripada teori sosial yang digunakan oleh pengkaji. Perkara sebegini dapat memperluaskan lagi teori yang berkaitan dengan sosiobudaya yang dapat dijadikan sumber rujukan

kepada penyelidik lain. Dengan adanya teori yang baru dapat kita ketahui teori yang boleh digunakan untuk melakukan kajian berkenaan dengan sosiobudaya masyarakat ini.

## 5.2 Rumusan Kajian

Secara rumusannya, kajian ini berkenaan dengan elemen-elemen sosiobudaya yang telah dikemukakan berdasarkan cerita *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Dalam hikayat ini banyak memaparkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat terdahulu yang diamalkan oleh golongan istana dan golongan rakyat. Elemen-elemen sosiobudaya ini berbeza dengan sosiobudaya masyarakat moden kerana ia berkaitan dengan cara hidup masyarakat terdahulu yang berpegang teguh kepada adat, kepercayaan, bahasa, pantang-larang dan kedudukan tahta yang diamalkan dalam kehidupan mereka. Terdapat unsur yang positif dan negatif yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pengajaran yang boleh diterapkan dalam diri. Masyarakat Melayu dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* berteraskan kepada agama Islam namun terdapat juga amalan dan kepercayaan yang dilakukan oleh mereka atas dasar adat kerana ia merupakan pegangan yang telah diamalkan oleh nenek moyang mereka sebelum ini.

### 5.3 Penutup

Secara kesimpulannya, elemen-elemen sosiobudaya yang ditonjolkan dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* ini mempunyai unsur yang positif yang dapat diterapkan dalam kehidupan masyarakat dengan menggunakan teori sosial yang mencerminkan berkenaan dengan kehidupan masyarakat. Fungsi sosiobudaya adalah sebagai pengajaran, lambang kepada suatu kaum, sebagai penghormatan dan juga dapat membentuk keharmonian hidup sesama manusia. Hal ini dapat memberi gambaran kepada masyarakat kini bahawa dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* ini bukan hanya memaparkan berkenaan dengan cerita hiburan semata-mata namun terdapat nilai-nilai moral yang dapat memberi kesan yang positif dalam diri mereka sendiri. Selain itu juga, watak Anggun Cik Tunggal ini dapat menjadi lambang kepada watak orang Melayu yang mempertahankan tanah Melayu daripada penajah Barat. Cerita ini dapat memberi semangat bagi orang-orang Melayu untuk berjuang sehingga titisan darah terakhir dan sanggup bergadai nyawa demi maruah dan tanah air yang tercinta. Dalam cerita ini juga dapat menaikkan semangat kepahlawanan bagi orang-orang Melayu. Dengan ini, dapat dilihat dalam *Hikayat Anggun Cik Tunggal* banyak menggambarkan berkenaan dengan sosiobudaya masyarakat terutamanya masyarakat Melayu yang dapat memberi manfaat pada masa yang akan datang.

## Senarai Rujukan

(SLiK2015)“Pelestarian dan Perekayaan Bahasa”, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.

Abd Rahman, M. Z. (2014). *Pengaruh konteks sosiobudaya tempatan dalam teks pembelajaran Arab* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).

Abd Rahman, R. (2018). “Kesepaduan Sosiobudaya Dalam Kepelbagaian Masyarakat Majmuk, Jauhar”.

Abdullah, C. Z., Yahya, Z., Salleh, F., & Alias, B. (2015). Adat perkahwinan masyarakat Melayu, kesejarahannya dengan nilai Islam: kajian di Shah Alam.

Adibah, I. Z. (2017). Struktural fungsional Robert K. Merton: Aplikasinya dalam kehidupan keluarga. *INSPIRASI: Jurnal Kajian dan Penelitian Pendidikan Islam*, 1(2), 171-184.

Affendi, N. R. N. M., & Pawi, A. A. A. (2016). Nilai sosiobudaya dalam cerita kanak-kanak pilihan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 3, 2-15.

Ali, A. H. (2011). “Konsep keindahan dalam kesusastraan Melayu tradisional”. *PENDETA*, 2, 99-117.

ALI, A. H., ZAKARIA, N., & HANAPI, M. H. M. (2015). TERAPI BAHASA DALAM PANTUN DAN MANTERA: Language Theraphy in Poem and Mantra. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 88-95.

Amat, A., Romtie, I., & Salleh, N. (2022). Tema Pantun Cocos di Sabah: Theme of Cocos Pantun in Sabah. *PENDETA*, 13(1), 33-46.

Amini A.A (2014). MENGINGATI MATI DAN PERINGATAN UNTUK MATI RENUNGAN UNTUK YANG HIDUP. Islam Yang Dinamik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Andriani, D. (2015). Makalah tentang Hikayat. Mengenal bahasa klasik. (2021, July 20). Berita Harian
- Anto, R. (2018). Teori-Teori Sosiologi Hukum Fungsional Struktural. Perenc. dan Pembang. Masy., no.
- Ari Cahyo Nugroho (2021). "Teori Utama Sosiologi Komunikasi (Fungsionalisme Struktural, Teori Konflik, Interaksi Simbolik)". Majalah Semi Ilmiah Populer Komunikasi Massa, 2(2).
- Arif, A. M. (2020). Perspektif Teori Sosial Emile Durkheim Dalam Sosiologi Pendidikan. *Moderasi: Jurnal Studi Ilmu Pengetahuan Sosial*, 1(2), 1-14.
- Arshad, M. Z. (2014). Makna dan nilai seni kraf buluh dalam kehidupan sosiobudaya multi etnik di Sarawak. *KUPAS SENI*, 2.
- Asliah Zainal (2014). "Sakral dan Profan dalam Ritual Life Cycle: Memperbincangkan Fungsionalisme Emile Durkheim". *Jurnal Hasil-Hasil Penelitian*, 9(1), 61-70.
- Azzulfa (2022). "Mengenal 3 Teori Besar Sosiologi dari Durkheim, Karl Marx, dan Weber".
- Beden, S., & Zahid, I. (2018). Analisis kesopanan bahasa dalam novel Melunas Rindu: Aplikasi maksim Leech dan Grice. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 143-172.
- Binti Maunah (2016). "Pendidikan Dalam Perspektif Struktural Fungsionalisme".
- bt Zakaria, N. (2014). Bayangan Inses dalam Hikayat Raja Pasai: Incest Dream in Hikayat Raja Pasai. *PENDETA*, 5, 57-70.
- Bukhari, N. A. M., Wahid, P. R. A., & Samsudin, N. H. (2020). DESTAR MELAYU DARI PERSPEKTIF TERMINOLOGI: MALAY DESTAR FROM THE PERSPECTIVE OF TERMINOLOGY. *Jurnal Pengajaran Melayu (JOMAS)*, 31(1), 184-209.

- CAHYADINATA, I. P. A. A. (2014). Perspektif sosio-budaya dan religius terhadap tradisi Med-Medan di Banjar Kaja, Desa Pakraman Sesetan, Kota Denpasar, Bali. *Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan Undiksha*, 2(1).
- Dasuki, S., Mohd Radzi, F., Idris, N., & Abdulah, N. H. (2015). Perkembangan budaya popular dan perubahan sosio-budaya masyarakat pasca moden: Adaptasi budaya asing dalam perkahwinan Melayu.
- Fakihuddin, L. (2015). Eksistensi Masalah Supranatural dalam Folklor Lisan Sasak: Suatu Kajian Tematis Terhadap Cerita Rakyat Sasak yang Telah Didokumentasikan. *Mabasan*, 9(2), 100-125.
- Fakir Mohamad Md Nor & Khairulwafi Mamat @ Abdul Majid (2019). "Interpretasi Imej Fotografi Hitam Putih Analog Dalam Agumentasi Sosio Budaya Lokalti". [file:///C:/Users/HP/Downloads/nataniel,+2\\_WASATIYYAH\\_MANU+31+\(2\)\\_2020.pdf](file:///C:/Users/HP/Downloads/nataniel,+2_WASATIYYAH_MANU+31+(2)_2020.pdf)
- Hakim, M. T. (2014). Estetika di dalam Hikayat Malim Deman. *Jumantara: Jurnal Manuskip Nusantara*, 5(2), 67-84.
- Hanifah, U. (2019). TRANSFORMASI SOSIAL MASYARAKAT SAMIN Di BOJONEGORO (Analisis Perubahan Sosial Dalam Pembagian Kerja Dan Solidaritas Sosial Emile Durkheim). *Jurnal Sosiologi Agama*, 13(1), 41-71.
- Hassan, P., & Ramli, M. A. (2020). Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya terhadap Pentafsiran Hukum Islam: The Isolation of the Socio-cultural of Indigenous Community in Malaysia and Its Effect towards the Interpretation of Islam Law. *Journal of Fatwa Management and Research*, 1-20.
- Heru, A. (2018). Gaya bahasa sindiran ironi, sinisme dan sarkasme dalam berita utama harian kompas. *Jurnal pembahsi (pembelajaran bahasa dan sastra indonesia)*, 8(2), 43-57.
- Ichsan, A. S. (2018). Memahami Struktur Sosial Keluarga Di Yogyakarta (Sebuah Analisa dalam Pendekatan Sosiologi: Struktural Fungsional). *Jurnal Al Adyaan; Jurnal Sosial dan Agama*, 5(02), 153-166.

Ida Zahara Adibah (2017). "Struktural Fungsional Robert K.Merton". *Jurnal Kajian dan Penelitian Pendidikan Islam*, 1(2), 171-184.

Iriaji, I. (2019). Karakteristik Sosio-Budaya, Pergeseran Dan Pola Adaptasi Kriya Gerabah Pagelaran Malang. *Bahasa dan Seni: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni, dan Pengajarannya*, 47(1), 68-83.

Ismail, N., & Abdul Rahman, N. A. (2018). Nilai Peradaban Melayu dalam Pantun Peranakan Baba. *Jurnal Sains Insani*.

Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2011). Hallyu di Malaysia: kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 203-219.

Jaszczolt, K. (1999). Discourse, beliefs and intentions: Semantic defaults and propositional attitude ascription.

Johari, H., Basir, N. S. B. A., & Mohd, F. H. (2021). NILAI PENDIDIKAN DALAM CERPEN PENANTIAN DI HUJUNG SENJA OLEH EH DENG EH CHIK (The value of education in Short Stories Waiting at the End of Twilight by Eh Deng Eh Chik).

Jusoh, A. (2019). LOCENG GANGSA (MALAYSIA) DAN LOCENG DOTAKU (JEPUN) DARIPADA PERSPEKTIF ARKEOLOGI DAN SOSIOBUDAYA (THE BRONZE BELL (MALAYSIA) AND THE DOTAKU BELL (JAPAN) FROM PERSPECTIVE OF ARCHAEOLOGY AND SOCIOCULTURAL). *ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE*, 3(2).

Jusoh, A., & Sauman, Y. (2019). â€˜HUASHAN ROCK ARTâ€™ DALAM KONTEKS SOSIOBUDAYA ETNIK LUOYUE, GUANGXI, CHINA. *ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE*, 3(1).

Jusoh, A., Sauman, Y., & Ramli, Z. (2017). Lukisan Gua Di Semenanjung Malaysia: Motif Dan Simbolisme Serta Kaitannya Dengan Sosiobudaya Masyarakat Setempat (Cave Paintings in Peninsular Malaysia: Motives, Symbolism and Sociocultural Relations to Local Society). *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 1(2).

Jusoh, A., Sauman, Y., Arby, R., & Ramli, Z. (2018). KEBUDAYAAN MEGALITH DI SEMENANJUNG MALAYSIA DARI PERSPEKTIF SOSIOBUDAYA DAN ETNOARKEOLOGI (MEGALITH CULTURE IN PENINSULAR OF MALAYSIA FROM SOCIOCULTURAL AND ETHNOARCHAEOLOGY PERSPECTIVE). *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(1).

Juwita, R., Firman, F., Rusdinal, R., Aliman, M., & Malang, U. N. (2020). Meta Analisis: Perkembangan Teori Struktural Fungsional dalam Sosiologi Pendidikan. *Jurnal Perspektif: Jurnal Kajian Sosiologi dan Pendidikan*, 3(1), 1-8.

Kaltsum, L. U., & Tsauri, M. N. Kepercayaan Animisme dan Dinamisme dalam Masyarakat Muslim Nusa Tenggara Timur.

Kamal, M., & Aziz, A. (2016). *Kritikan seni dari perspektif sosio budaya di Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Kamiruddin, K. (2011). Fungsi Sosiologis Agama (Studi Profan dan Sakral Menurut Emile Durkheim). *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*, 3(2), 157-176.

Kamus *Dewan Dewan Edisi Keempat* (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2009). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya. *Malaysian Journal of Society and space*, 3, 26-43.

Kohara, K. (2006). Discourses and realpolitik on monotheism and polytheism. *Journal of the Interdisciplinary Study of Monotheistic Religions*, 2, 1-16.

Kurniawan, Y., & Indiarma, V. (2020). Hantu Pontianak Daripada Pendekatan Agama dan Sosiobudaya di Indonesia.

Lailan Rafiqah (2018). "Pendekatan Struktural Fungsional terhadap Hukum Islam di Indonesia". *Jurnal Al Himayah*, 2(2), 205-216.

Mansor, I. (2015). PROSEDUR PEMINJAMAN DAN ELEMEN SOSIOBUDAYA DALAM TERJEMAHAN RIHLAT IBN BATTUTAH. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 33(2).

Mara, R. S., & Bahry, R. (2019). Analisis Gaya Bahasa Sindiran dalam Syair Didong Jalu Arita Mude dan Biak Cacak. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 13(1), 61-79.

- Marinsah, S. A., & Ramli, M. A. (2017). AMALAN TRADISI MAGOMBO'DALAM MASYARAKAT BAJAU DI SEMPORNA SABAH: ANALISIS DARI PERSPEKTIF SOSIOBUDAYA DAN PERSPEKTIF HUKUM ISLAM: THE TRADITIONAL PRACTICE OF MAGOMBO'IN BAJAU COMMUNITY IN SEMPORNA SABAH: AN ANALYSIS OF SOCIOCULTURAL AND ISLAMIC PERSPECTIVES. *Borneo Research Journal*, 11, 72-86.
- Mariri, D. (2002). *Warna Lokal Bali Dalam Kumpulan Cerpen "Sagra"* Karya Oka Rusmini: Analisis Sosiologi Sastra (Doctoral dissertation, Universitas Airlangga).
- Marzali, A. (2014). Struktural-fungsionalisme. *Antropologi Indonesia*.
- Maunah, B. (2016). Pendidikan dalam perspektif struktural fungsional. *Cendekia: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 10(2), 159-178.
- Mohamad, A. N. A., Mohamad, W. N. A., & Haniffa, M. A. (2021). Untaian Pantun Oleh Merak Dalam Hikayat Isma Yatim. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 3(1), 1-17.
- Mohamad, A. R. (2013). *Nilai nasihat dalam puisi tradisional Teromba* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Mohamad, J. B. B., & Moden, P. B. Amalan Sosiobudaya Di Dalam Novel Terjemahan Terpilih Harry Potter: Analisis Wacana Kritis.
- Muhamat, R. (2003). Kepercayaan Monoteisme di dalam Agama Hindu. *Jurnal Usuluddin*, 17, 153-162.
- Musa, P. I. P., Ismail, S. Z., & Rahman, N. A. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Anak Negeri Sabah Beragama Islam Di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari Perspektif Hukum. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporeri*, 19, 1-17.
- Mustafa, M. (2006). *Pemikiran dalam novel-novel Khadijah Hashim* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Mustafa, N. I., & Jusoh, A. (2018). NASKHAH MANTRA GAJAH DALAM SEJARAH SOSIOBUDAYA MASYARAKAT MELAYU (MANTRA GAJAH IN

SOCIOCULTURAL HISTORY OF MALAY SOCIETY). ASIAN JOURNAL OF ENVIRONMENT, HISTORY AND HERITAGE, 2(2).

Nasir, K. (2019). Deskripsi Al-Quran Terhadap Kepercayaan Politeisme: Suatu Pembicaraan Historikal.

Nasir, K., & Hasan, M. S. S. (2019) KEPERCAYAAN ANIMISME MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN ANIMISM THROUGH THE PERSPECTIVE OF AL-QURAN.

Nasir, K., Rahim, K. Z., & Mamat, S. (2019). Kepercayaan terawal manusia menurut sunnah: analisis terhadap buku teks sejarah tingkatan satu terbitan kementerian pendidikan malaysia. HADIS, 9(17), 30-47.

Ng, Y. J. (2019). *Intertextuality in the socio-cultural elements of Howl's Moving Castle/Ng Yao Jia* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

Nisak, T. (2018). *Pandangan mengenai prospek kerja alumni Prodi Aqidah dan Filsafat Islam di kalangan mahasiswa Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya paradigm fakta sosial Emile Durkheim* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).

NORDIN, S. R. A., ABDULLAH, M. A., DAMIN, Z. A., ANI, F., JAES, L., SUHAIMY, K. A. M., ... & BAKAR, S. K. S. A. (2017). Memahami Akal Budi Kaum Orang Asli Suku Kuala Melalui Pantun: Dari Pulau Sialu, Batu Pahat ke Sungai Layau, Kota Tinggi. *Human Sustainability Procedia*.

Nugroho, A. C. (2021). Teori Utama Sosiologi Komunikasi (Fungsionalisme Struktural, Teori Konflik, Interaksi Simbolik). Majalah Semi Ilmiah Populer Komunikasi Massa, 2(2).

Omar, A. H. (2014). Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K. Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K. Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 7(1), 76-97.

Othman, S., Sabil, A. M., & Lateh, G. (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan Kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.

Pawang Ana dan Raja Haji Yahya (2016). *Hikayat Anggun Cik Tunggal*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Prawiratama, A. (2013). Bentuk Konflik dalam Kumpulan Cerpen Kembang-Kembang Genjer Karya Francisca Ria Susanti. *Jurnal Sastra Indonesia*, 2(1).

Rafiqah, L. (2018). Pendekatan Struktural Fungsional terhadap Hukum Islam di Indonesia. *Jurnal Al Himayah*, 2(2), 205-216.

Rahmi Juwita, Firman, Rusdinal, Muhammad Aliman (2020). "Meta Analisis: Perkembangan Teori Struktural Fungsional Dalam Sosiologi Pendidikan". *Jurnal Perspektif: Jurnal Kajian Sosiologi dan Pendidikan*, 3(1), 1-8.

RASHID, S. N. B. M. A. (2016). Bahasa Sindiran dalam Ujaran Video Blog (Doctoral dissertation, Master Dissertation).

Rashid, S. N. M. A., & Yaakob, N. A. (2017). Jenis bahasa sindiran dalam ujaran Vlog. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.

Ridhwan, A. GENIUS NARATIF DAN GENIUS PEMIKIRAN DALAM DUA KARYA SASTERA LISAN MELAYU.

Rok'Ifah, E., & Rok'Ifah, E. (2016). *Realitas Sosial Masyarakat Dalam Novel Hujan Bulan Juni Karya Sapardi Djoko Damono (Kajian Sosiologi Sastra)* (Doctoral dissertation, UNIVERSITAS ISLAM MAJAPAHIT MOJOKERTO).

Ronidin, R. (2010). MASYARAKAT MINANGKABAU PASCA-PRRI: Dalam cerpen Ketika Jendral Pulang karya Khairul Jasmi. *Lingua Didaktika: Jurnal Bahasa dan Pembelajaran Bahasa*, 3(2), 152-160.

Rosana, E. (2019). Kemiskinan Dalam Perspektif Struktural Fungsional. *Al-Adyan: Jurnal Studi Lintas Agama*, 14(1), 19-34.

- Rosly, N. S. B. (2018). Leksikon Berunsurkan Sosiobudaya dalam Manuskrip Melayu Tradisional. *Universiti Putra Malaysia*.
- Salleh, N. (2014). Tepak sirih: komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 30, 177-190.
- Santoso, M. S., Afdal, S. U., & Pi, M. (2019). Dinamika Konversi Agama Pada Masyarakat Adat Suku Akit.
- Sarif, H. (2010). *Keimplisitan ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari sudut pragmatik* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Sazali, M. F., & Ya, C. A. C. (2020). Kalbu Qalha Sebuah Dokumentasi Sosiobudaya Negeri Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(1), 1-14.
- Sugianto, I., & Huda, N. (2017). Strukturalisme Genetik dalam Cerpen Slum Karya Hanif Nashrullah. *Jurnal Ilmiah FONEMA: Jurnal Edukasi Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(1).
- Suryandari, R. Y., Jaafar, M. N., & Hamzah, N. H. (2014). Mengantarabangsakan ruang pendidikan tinggi Malaysia: Pengalaman sosio-budaya pelajar-pelajar antarabangsa di Universiti Utara Malaysia (Internationalising Malaysia's educational space: The socio-cultural experiences of international students at Universiti Utara Malaysia). *Geografi*, 10(3).
- Susanti, S., Mursalim, I. S. H., & Hanum, I. S. (2020). FAKTA SOSIAL EMILE DURKHEIM DALAM NOVEL HAFLALAN SHALAT DELISA KARYA TERE LIYE: TINJAUAN SOSIOLOGI SASTRA. *Ilmu Budaya: Jurnal Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya*, 4(2), 341-353.
- Tuah, D. (2021). CITRA SOSIOBUDAYA MEMBENTUK IDENTITI KEPENGARANGAN PENULIS BUMI KENYALANG: SATU SOROTAN [SOCIOCULTURAL IMAGE CREATING THE AUTHORSHIP IDENTITY OF SARAWAK AUTHORS: A REVIEW]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 4(2), 1-14.

- Wahsalfelah, S. N. H. (2014). Sejarah Sosio-Budaya Kraftangan di Brunei Darussalam: Barang Logam dan Kain Tenunan. *SUSURGALUR*, 2(1).
- Zakaria, S., & Jalaluddin, N. J. (2015). Konsep ruang melalui flora dalam Cerita Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. Kertas kerja ini dibentangkan semasa Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015) "Pelestarian dan Perekayasaan Bahasa", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zulkifli, M., Buhari, N., & Hassan, N. A. (2019). Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia. *Jurnal Sains Insani*.
- Zulkifli, N., & Yusoff, M. Y. M. (2022). Elemen-Elemen Sosiobudaya dalam Kalangan Masyarakat Boyan di Semenyih, Selangor. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(2), 1-13.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN